



**Koperasi Kakitangan
Lembaga Penduduk dan
Pembangunan Keluarga
Negara (M) Berhad**⁽⁴⁶⁹⁷⁾

LAPORAN TAHUNAN 2024

21 JUN 2025

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-29

Bil. Koop. 2801/1...



Perakuan Pertukaran Nama

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PERANCANG KELUARGA NEGARA
(MALAYSIA) BERHAD

Bil. Daftar... 4697/ 29. 1. 72

Bahawa Ketua Pendaftar Koperasi, Malaysia, mengesahkan pindaan
nama koperasi yang di atas kepada... KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA
PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD
menurut pindaan kepada Undang-undang Kecilnya yang telah
didaftarkan mengikut seksyen 10 (3) ^{Akta} ~~Orang~~ Koperasi ~~Malaysia~~
33 tahun 1948.

Diperbuat dengan perintah dan dimeterikan dengan mohor
Ketua Pendaftar pada hari ini... DUA PULUH TUJUH
haribulan... DISEMBER
PULUH LAPAN
tahun seribu sembilan ratus



(MOHAMED BIN MOHD. DON)
Pendaftar Koperasi
Malaysia Barat

No. Siri 023-22



SIJIL PEMATUHAN SYARIAH

Shariah Compliance Certificate

Jawatankuasa Syariah ANGKASA (JASA) dengan ini mengesahkan bahawa produk yang dinyatakan adalah selaras dengan kehendak dan tuntutan Syariah.



KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD
NO. 12B, TINGKAT 9
BANGUNAN LPPKN, JALAN RAJA LAUT
50350 KUALA LUMPUR

JENIS PRODUK : TAWARRUQ

- 1 Pembiayaan Tunai Tawarruq
- 2 Pembiayaan Khas Umrah & Pelancongan
- 3 Pembiayaan Khas Pendidikan
- 4 Pembiayaan Khas Perayaan
- 5 Pembiayaan Bantuan Awal Persekolahan

MURABAHAH

- 1 Pembiayaan Pengguna



**DATUK SERI DR. ABDUL
FATTAH ABDULLAH**
Presiden ANGKASA

**SAHIBUS SAMAHAH PROF. MADYA
DR. HJ. MOHAMAD SABRI HARON**
Pengerusi Jawatankuasa Syariah ANGKASA

Angkatan Koperasi Kebangsaan
Malaysia Berhad (ANGKASA)
Wisma Ungku A. Aziz, Jalan SS 6/1
47301 Kelana Jaya, Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03 - 7884 6789
<http://www.angkasa.coop>

Tarikh Pensijilan :
22/07/2022

Sah Sehingga :
22/07/2024

Penganugerahan Sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah ANGKASA (JASA).

AHLI MAJLIS TERTINGGI



Koperasi Kakitangan
LPPKN 4697

III.



BENDAHARI

SARIDA BINTI HJ SALEH



PENGERUSI

AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD




SETIAUSAHA

MOHD AZMY BIN JAKOMAR

CARTA ORGANISASI



Koperasi Kakitangan
LPKN 4697



DIKEMASKINI PADA 05 MEI 2025



VISI

KOPERASI KAKITANGAN LPPKN M
BERHAD sebagai sebuah koperasi
bertaraf profesional berlandaskan
prinsip-prinsip islam

.....



**KOPERASI KAKITANGAN
LPPKN M BERHAD**



MISI

**KAMI KOMITED UNTUK MENYEDIAKAN
PERKHIDMATAN KEPADA ANGGOTA KOPERASI :**


- PENYEDIAAN PERKHIDMATAN DAN KEBAJIKAN YANG BERKUALITI
- TAWARAN PRODUK YANG KOMPETITIF DAN BERINTERGRITI
- MENEPATI KEHENDAK ANGGOTA DAN DAPAT LAKSANA DALAM MASA YANG DITETAPKAN



**KOPERASI KAKITANGAN
LPPKN M BERHAD**

OBJEKTIF

- MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BERKUALITI SERTA MENJAGA KEPENTINGAN ANGGOTA.
- MENGALAKKAN ANGGOTA MENYIMPAN .
- MENYEDIAKAN MANFAAT DAN KEBAJIKAN ANGGOTA KOPERASI.
- MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KEWANGAN KEPADA ANGGOTA SERTA MEMBANTU MENINGKAT SOSIOEKONOMI ANGGOTA.
- MEMBANTU ANGGOTA YANG MEMERLUKAN PERKHIDMATAN KOPERASI.





MOTO

**BERKERJASAMA
KEUNTUNGAN
BERSAMA**

Website : <https://koperasilppkn.com>

Antara perkhidmatan & produk yang disediakan oleh Koperasi



- Tunai Tawaruq
- Perayaan
- Insurans
- Atas Yuran
- Segera

- Tanpa Penjamin
- Barangan
- Bencana
- Awal Sekolah
- IPTA

FOTOSTAT, TOPUP TELCO, PEMBAYARAN BIL DAN PENGHANTARAN & PENERIMAAN KURIER



BARANGAN JUALAN AHLI

- KICAP MUDIM
- SOS MUDIM
- SARDIN MUDIM
- SERBUK KURMA
- SERBUK KARI IKAN
- SERBUK KARI AYAM & DAGING



Koperasi Kakitangan
L P P K N



Koperasi Kakitangan
L P P K N

Kami Menyediakan Perkhidmatan

"RENEWAL" INSURAN / TAKAFUL KENDERAAN

MOHON SEKARANG



Lokasi & Hubungi :

Tingkat 9,
Koperasi Kakitangan LPPKN
Bangunan Lppkn Jalan Raja Laut,
Chow Kit 50350 Kuala Lumpur
03-26928661/011-56743464 (Whatsapp)



Koperasi Kakitangan
L P P K N

INSURANS Haji & Umrah

- ✓ Pelan Basic
- ✓ Pelan Intermediate
- ✓ Pelan Premium
- ✓ Konsep Tabarru'
- ✓ Konsep Wakalah

MOHON SEKARANG

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui :

Koperasi Kakitangan LPPKN www.koperasilppkn.com +603-26928661 @ 011-56743464



Koperasi Kakitangan
L P P K N

INSURAN MELANCONG

RANCANG PERJALANAN YANG SELAMAT
UNTUK DIRI DAN KELUARGA ANDA



MOHON SEKARANG

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui :

Koperasi Kakitangan LPPKN www.koperasilppkn.com +603-26928661 @ 011-56743464



ARABELLA EVENT HALL DIMILIKI OLEH KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BHD



**ARABELLA EVENT HALL
50, 52, ECO BUSINESS PARK V, 52A,
JLN ECO PERINDUSTRIAN 1/2A, 42300
PUNCAK ALAM, SELANGOR**





KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD. (4697)

NO 12B, TINGKAT 9, BANGUNAN LPPKN, JALAN RAJA LAUT, 50350 KUALA LUMPUR

Tel / Fax : 03 - 26928661, 03 - 26937555 Sambungan. 3900

Email : koperasilppkn@gmail.com

Rujukan Kami: Bil (29) KKLPPKN/MP/1

03 Jun 2025

Anggota Anggota Koperasi Yang Dihormati,

Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

Adalah dengan hormatnya saya bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengemukakan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi Tahun Kewangan 2024 bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2024 untuk makluman dan perhatian tuan / puan.

Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan dan kerjasama tuan/puan kepada Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas

(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) BHD.

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERUTUSAN Pengerusi

1-2

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KALI -29

3

AGENDA MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN KALI -29

4-5

MAKLUMAT KOPERASI

6

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KALI KE -28

7-23

SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KALI KE -28

24-25

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA
KOPERASI

26-36

LAPORAN BIRO - BIRO

37-43

KANDUNGAN

LAPORAN PEMATUHAN
SYARIAH

44-50

LAPORAN J/KUASA AUDIT DALAMAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2024

51-54

USUL - USUL

55-59

LAPORAN PENYATA
KEWANGAN TERAUDIT
BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

60-105

ANGGARAN BELANJAWAN
2025/2026

106-113

Dari Meja Pengerusi

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Satu Koperasi.

Dengan penuh kesyukuran dan rendah hati, saya mewakili barisan kepimpinan Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) M Berhad merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga dan anggota koperasi atas sokongan, komitmen dan iltizam berterusan dalam mendukung perjalanan dan kelestarian koperasi ini. Meskipun berdepan ketidakpastian pasaran serta pelbagai cabaran ekonomi dan perniagaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini, koperasi kita kekal utuh dan terus melangkah ke hadapan.

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, kita sekali lagi dapat berkumpul dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) M Berhad satu wadah penting dalam memperkukuhkan semangat kerjasama dan keterbukaan.

Berbekalkan semangat tidak mudah menyerah kalah, koperasi ini terus mengekalkan tekad untuk kekal bertahan dan memenuhi mandat bagi memberi manfaat ekonomi kepada anggota. Dalam masa yang sama, kita terus berusaha memenuhi keperluan dan jangkaan pihak berkepentingan melalui pelaksanaan inisiatif yang efektif, tadbir urus yang cekap, matlamat yang jelas serta daya tahan organisasi yang sentiasa diperkukuh dari semasa ke semasa.

Sepanjang tahun 2024, koperasi telah berusaha sebaik mungkin untuk memberikan pulangan yang menguntungkan kepada anggota. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa selepas mengambil kira perbelanjaan pengurusan, Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) M Berhad telah berjaya mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM399,000.00 iaitu peningkatan sebanyak 20% berbanding tahun sebelumnya.

Pencapaian ini adalah hasil kerjasama erat antara pengurusan, warga kerja dan para anggota yang sentiasa menyokong serta terlibat secara langsung dalam menjayakan aktiviti dan operasi koperasi. Sesungguhnya, seperti kata pepatah, “siapa yang menabur benih, dialah yang menuai hasilnya.

Fokus utama Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) M Berhad adalah untuk terus menjadi sebuah koperasi yang diyakini, dipercayai, serta memberi pulangan yang mampan kepada anggotanya. Dalam usaha ini, koperasi telah aktif menjalin kerjasama strategik dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, agensi berkaitan dan pihak industri bagi memperluaskan jaringan perniagaan serta meneroka peluang pasaran baharu.

Sebagai salah satu langkah strategik, koperasi telah menubuhkan Arabella Event Hall, iaitu sebuah ruang majlis yang bukan sahaja memperluaskan sayap perniagaan sedia ada, malah membuka potensi sumber pendapatan baharu. Di samping itu, produk pembiayaan juga kekal sebagai salah satu agenda utama koperasi dalam memperkukuh perkhidmatan kepada anggota.

Biarpun masa berlalu dan cabaran berubah wajah, koperasi ini akan terus melangkah sebagai organisasi yang mampan, berdaya saing dan berdaya tahan. Kita akan sentiasa berpegang kepada objektif dan hala tuju yang jelas selaras dengan prinsip koperasi, serta memastikan setiap tindakan dan keputusan membawa nilai tambah kepada semua pihak yang terlibat.

Penambahbaikan dari aspek operasi, pengurusan dan perkhidmatan akan terus dipergiatkan demi menjana keuntungan yang lebih tinggi dan memberi pulangan pelaburan yang berbaloi kepada anggota. Didorong oleh mandat yang jelas, koperasi akan menggandakan usaha bagi meningkatkan keyakinan dan kepercayaan anggota terhadap hala tuju serta masa depan koperasi ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada para anggota atas sokongan padu dan kepercayaan berterusan yang telah diberikan. Keyakinan anda merupakan pemangkin utama dalam meneruskan perjuangan membina koperasi yang lebih gemilang dan berjaya, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Salam hormat dari saya



(AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD)

Pengerusi,

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 29

Tuan / Puan,

MAJLIS PERASMIAN DAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE - 29

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Majlis Perasmian dan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 29 akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 21 Jun 2025 (Sabtu)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Tingkat 2, Bilik Lagenda 5&6
Hotel Ideas No 12, Jln Raja Laut,
50350, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen di bawah untuk perhatian tuan/puan:

1. Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 29
2. Borang Usul. (Borang ini hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha Koperasi Kakitangan LPPKN tidak lewat dari 13/6/2025 pukul 5.00 petang)
3. Borang Pengesahan Kehadiran dan Borang Pencalonan Koperasi Kakitangan LPPKN Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 29.

Tuan / Puan adalah dijemput hadir untuk melaksanakan amanah sebagai perwakilan.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas,



(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

AGENDA MESYUARAT AGUNG

1. Melantik Pengerusi dan Setiausaha sementara Mesyuarat Agung Perwakilan Kali 29 bagi Tahun 2025.
2. Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 28 yang telah diadakan pada 22 Jun 2024 bertempat di Dewan Acara Arabella, Eco Business Park V, Bandar Puncak Alam, Selangor.
3. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang Perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 29.
4. Menimbang dan Menerima Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 01 Januari hingga 31 Disember 2024.
5. Pembentangan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.
6. Menerima Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 yang teraudit.
7. Meluluskan cadangan pembahagian keuntungan di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi
 - 7.1 Membayar dividen caruman kepada anggota sebanyak 5.25%
 - 2.2 Membayar dividen saham kepada anggota – anggota sebanyak 10%
 - 7.3 Membayar saguhati Kehormat (Honorarium) kepada Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun kewangan 2024.
8. Membenarkan Anggota Lembaga Koperasi Membuat Pelaburan mengikut Undang undang Kecil undang Kecil
 - 8.1 Perkara 34(1)(k) iaitu "menentukan had maksimum keterhutangan koperasi ini. Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
 - 8.2 Perkara 34(1)(i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi dengan anggaran maksimum RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
9. Membentang Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi sesi tahun 2025/2026
10. Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi.
11. Membentang Usul (Jika ada)

12. Meminda Undang-Undang Kecil dan Aturan Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (M) Berhad (Jika ada)
14. Hal-hal Lain
15. Ulasan daripada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sekian, terima kasih

Yang Menjalankan Tugas,



(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

MAKLUMAT KOPERASI

A. ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2024 - 2025

- | | |
|--------------------------------------|--------------|
| 1. En. Ahmad Hashimi bin Mohammad | > Pengerusi |
| 2. En. Mohd Azmy bin Jakomar | > Setiausaha |
| 3. Pn. Sarida binti Hj Saleh | > Bendahari |
| 4. Pn. Rinawati binti Mohamed Nawawi | > Ahli |
| 5. Pn. Nor Ashikin binti Saad | > Ahli |
| 6. Pn. Nor Azizah binti Mamud | > Ahli |
| 7. En. Norhamizan bin Hashim | > Ahli |
| 8. En. Mohd Firdaus bin Mazalan | > Ahli |
| 9. En. Mohamad Nazri bin Mohamed Nor | > Ahli |

B. Juruaudit Dalam

1. Pn. Nor Aziah binti Mohamed Mahayuddin
2. Pn. Noor Hafiza binti Ibrahim
3. Pn. Izariana binti Ibrahim

C. Pengurusan Koperasi

- | | |
|---|-------------------|
| 1. Pn. Nadira binti Mohd Zameil | > Pengurus |
| 2. Pn. Farah Najwa binti Mohamad Rashid | > Personnel Akaun |
| 3. En. Wan Ahmad Faiz bin Wan Md Din | > Personnel Admin |
| 4. Cik Nur Adibah Binti Ahmad Ramli | > Personnel Admin |

D. Pejabat Berdaftar Tingkat 9, Bangunan LPPKN No: 12 B Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur

E. No. Telefon/Fax : 03-26928661, 03-26137555 samb. 3900 Laman Sesawang : <http://www.koperasilppkn.com> Email : koperasilppkn@gmail.com

F. Juruaudit A. Razak & CO 51-2D, 2nd Floor, Jalan Pandan 3/10 Pandan Jaya 55100 Kuala Lumpur .

G. Unit Pematuhan Syariah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Syariah Angkasa Unit 510, Tingkat 4, Blok C, Glomac Business Centre No.10, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya 47301 Petaling Jaya, Selangor Petaling Jaya, Selangor

H. Bank : Maybank Cawangan Wisma Sime Darby, Jalan Raja Laut, K. Lumpur Bank Rakyat Cawangan Jalan Ipoh, Kuala Lumpur

Minit
Mesyuarat Agung
Perwakilan
Kali
Ke 28

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
KALI KE-28
KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD**

TARIKH : 22 JUN 2024 (SABTU)

MASA : 09.00 PAGI

TEMPAT : DEWAN ACARA ARABELLA,
ECO BUSINESS PARK V,
BANDAR PUNCAK ALAM, SELANGOR

KEHADIRAN

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Wan Ahmad Faiz bin Wan Md Din. Seterusnya diikuti oleh ucapan aluan oleh Pengerusi Koperasi Kakitangan LPPKN yang antara lain telah memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:

i. UCAPAN ALUAN PENERUSI KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Wan Ahmad Faiz Bin Wan Md Din. Seterusnya diikuti oleh ucapan aluan oleh Pengerusi Koperasi Kakitangan LPPKN yang antara lain telah memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:

- 1.1 Pengerusi memberi salam dan menzahirkan rasa syukur kepada Allah (s.w.t.) dapat berkumpul dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-28 bertempat di Dewan Acara Arabella yang merupakan aset terbaharu koperasi yang disifatkan juga sebaik hak bersama seluruh ahli koperasi.
- 1.2 Pengerusi mewakili seluruh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan dan berharap mesyuarat ini menjadi platform terbaik untuk semua mengemukakan usul, komen dan kritikan membina mengenai perjalanan koperasi serta sebagai medan idea-idea yang menjana baharu yang lebih efektif kepada koperasi disamping mewujudkan hubungan yang berterusan pada masa akan datang.
- 1.3 Pengerusi juga juga memaklumkan bahawa semua ALK telah cuba mempelbagaikan usaha untuk memajukan koperasi. Koperasi masih berteraskan tiga (3) objektif strategi bagi memajukan koperasi iaitu Meningkatkan Sistem Penyampaian, Diversifikasi Perniagaan dan Prestasi Kewangan yang mampan. Pengerusi juga memaklumkan bahawa pada 2023 ALK memberi tumpuan kepada usaha mempergiat aktiviti kredit dan pelaburan sama ada pelaburan jangka pendek mahupun jangka panjang.
- 1.4 Nilai bersih aset Koperasi adalah RM11.1 Juta pada akhir tahun 2023 dan angka ini dilihat sedikit menurun dari tahun sebelumnya. Dalam tahun 2023 juga, Koperasi telah memperoleh pendapatan sebanyak RM779,172.00 jika dibandingkan tahun sebelum RM716,438.00 pada tahun 2022.

- 1.5 Manakala perbelanjaan Koperasi sedikit menurun pada 2023 iaitu sebanyak RM422,729.00 berbanding perbelanjaan 2022 iaitu RM468,500.00.
- 1.6 Tahun 2023 keuntungan bersih sedikit meningkat daripada RM217,945.00 pada tahun 2022 kepada RM333,658.00 pada tahun 2023. Koperasi juga komited untuk terus meningkatkan prestasi dan kecekapan operasi perniagaan dan mengekalkan aliran tunai positif.
- 1.7 Pengerusi juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ALK dan kakitangan pengurusan yang telah bertungkus lumus meningkatkan prestasi koperasi. Pengerusi turut mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Audit Dalam yang telah memberi pandangan dan nasihat dalam melancarkan lagi urusan koperasi. Terima juga diucapkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang telah banyak memberi nasihat, cadangan serta pandangan terhadap pengurusan dan pentadbiran koperasi.
- 1.8 Ucapan terima kasih Pengerusi juga untuk semua ahli koperasi dan pengurusan LPPKN yang memberi sokongan padu dan kerjasama dalam memajukan koperasi.

ii.MELANTIK Pengerusi Sementara Mesyuarat

Mesyuarat telah bersetuju melantik Puan Nor Azizah binti Mamud (1379) sebagai Pengerusi Sementara dan Encik Fairul bin Desa (2041) sebagai Setiausaha sekaligus Pencatat Minit Mesyuarat secara undian oleh semua perwakilan.

Pengerusi Mesyuarat, Puan Nor Azizah binti Mamud (1379) mengucapkan terima kasih atas pelantikan dan kepercayaan yang diberikan. Pengerusi juga mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan sekaligus memberikan peringatan bahawa kuasa dan keabsahan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-28 ini diadakan adalah tertakluk kepada Undang-undang Kecil Koperasi Perkara 34 (1) iaitu: Jumlah kehadiran perwakilan seramai 39 orang yang membolehkan mesyuarat dapat dijalankan.

- 2.1 Jumlah kehadiran perwakilan seramai 38 orang yang membolehkan mesyuarat dapat dijalankan.
- 2.2 Mesyuarat dijalankan berdasarkan Peraturan Mesyuarat dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- 2.3 Para perwakilan diminta untuk mematuhi undang-undang dan tatacara semasa bermesyuarat.
- 2.4 Perwakilan juga diminta untuk memberi peluang kepada semua perwakilan yang hadir berhujah dan memberi pandangan.
- 2.5 Setiap perwakilan perlu menyatakan nama dan nombor anggota sebelum berhujah.

iii. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-27 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 JUN 2023

- 3.1 Nor Aziah binti Mohammad Mahayudin (No. Anggota 1644) mencadangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 27 diterima dan disahkan; dan telah disokong oleh Encik Ahmad Rasyidee bin Abdul Razak (No. Anggota 1938) dengan pindaan-pindaan seperti berikut:
- 3.1.1 Perkara 6.1.1; Perbetulan nama Puan Haslina binti Kanta, Klinik Nur Sejahtera Selayang.
- 3.1.2 Perkara 6.1.2; Pembetulan pada ejaan Malaysia dan Pelaburan.
- 3.1.3 Perkara 4.1; Pembetulan nama Puan Nik Raizan binti Nik Mod.
- 3.1.4 Perkara 7; Pembetulan tarikh Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.
- 3.1.5 Perkara 8; Pembetulan tarikh Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022 yang Teraudit.

iv. MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI SESI TAHUN 2023-2024

Pengerusi mesyuarat memaklumkan terdapat tiga (3) kekosongan jawatan Ahli Lembaga Koperasi kerana penyandang sedia ada telah tamat tempoh. Terdapat enam (6) pencalonan diterima bagi pemilihan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) bagi Sesi 2024 2025. Seramai 38 orang perwakilan telah mengundi.

4.1 Perwakilan telah bersetuju sebulat suara mencadangkan empat (4) orang pegawai pengira undi iaitu:

Bil	Nama	No. Anggota
1	Encik Muhammad Kamarul Naim bin Abdullah	2003
2	Puan Basirah binti Borhanuddin	1957
3	Encik Mohd Azhar bin Md Zabidi	1876
4	Puan Kamsiah binti Haji Kasti	1884

Calon Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2024 / 2025 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	No. Anggota	Jumlah Undian
1	Puan Sarida binti Haji Saleh	1279	27
2	Encik Nor Hamizan bin Hashim	1678	19

3	Encik Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri	1000	16
4	Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman	1775	9
5	Encik Abdul Qayyum bin Abd Jalil	1969	16
6	Pn Nor Azizah binti Mamud	1379	27

Keputusan:

Anggota Lembaga Koperasi Sesi 2023/2024 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	No. Anggota
1	Puan Sarida binti Haji Saleh	1279
2	Pn Nor Azizah binti Mamud	1379
3	Encik Nor Hamizan bin Hashim	1678

5. MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TERMASUK Pengerusi UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 28.

Pengerusi membuka pencalonan daripada Perwakilan untuk memilih enam (6) orang Perwakilan untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan kali Ke 28.

- 5.1 Encik Syed Izman bin Syed Aziz Al-Khadri (No. Anggota 1000) mencadangkan Encik Mohd Khairizal bin Abdul Ghani (No. Anggota 1685); disokong oleh Puan Nor Azizah binti Mamud (No. Anggota 1379)..
- 5.2 Encik Syed Izman bin Syed Aziz Al-Khadri (No. Anggota 1000) mencadangkan Encik Mohammad Faiz bin Mat Nor (No. Anggota 1502); disokong oleh Encik Syaifzan Aizad bin Mukhtar (No. Anggota 1432).
- 5.3 Puan Sarida binti Haji Saleh (No. Anggota 1279) mencadangkan Puan Chek Liza binti Saad (No. Anggota 1356); disokong oleh Encik Syahrul Ridzuan bin Moh Shaim (No. Anggota 1507).
- 5.4 Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644) mencadangkan Puan Nur Basirah binti Borhanuddin (No. Anggota 1951); disokong oleh Encik Mohd Faez bin Mohd Daud (No. Anggota 2120).
- 5.5 Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) mencadangkan Encik Ahmad Rasyidee bin Abdul Razak (No. Anggota 1938); disokong oleh Encik Nor Hamizan bin Hashim (No. Anggota 1678).

- 5.7 Encik Mohd Faez bin Mohd Daud (No. Anggota 2120) mencadangkan Puan Nur Shidah binti Talib (No. Anggota 1616); disokong oleh Puan Vanida Fungsatian (No. Anggota 1234)..

Keputusan:

Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-27 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	No. Anggota
1	Encik Mohd Khairizal Bin Abdul Ghani	1685
2	Encik Mohammad Faiz bin Mat Nor	1502
3	Puan Chek Liza binti Saad	1356
4	Puan Nur Basirah binti Borhanuddin	1951
5	Encik Ahmad Rasyidee bin Abdul Razak	1938
6	Puan Nur Shidah binti Talib	1616

6. MENIMBANG DAN MENERIMA LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2023.

Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad, Pengerusi Koperasi (No. Anggota 1372) telah membaca dan membentangkan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 dari muka surat 21 hingga muka surat 27 untuk dipertimbang dan diterima.

- 6.1 Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644) mohon pencerahan terhadap Jumlah Keahlian Koperasi sama ada 627 orang atau 657 orang, kerana terdapat maklumat bercanggah di dalam minit mesyuarat berbanding lampiran keahlian.
- 6.2 Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad, Pengerusi Koperasi (No. Anggota 1372) menjelaskan terdapat kesilapan teknikal semasa cetakan laporan dibuat; jumlah sebenar keahlian Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad adalah seramai 657 orang.
- 6.3 Encik Syahrul Ridzuan bin Moh Shaim (No. Anggota 1507) mencadangkan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN disahkan; dan disokong oleh Puan Marita Tenong (No. Anggota 1908).

7. PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644) selaku wakil Juruaudit Dalam telah membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2022 seperti di muka surat 43 - 49..

8. MENERIMA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023 YANG TERAUDIT

Puan Sarida binti Hj Saleh (No. Anggota 1279), Bendahari Koperasi membentangkan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 yang telah diaudit oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia seperti muka surat 55-98.

8.1 Puan Sarida binti Hj Saleh (No. Anggota 1279), Bendahari Koperasi turut memaklumkan bahawa Koperasi sedaya upaya berusaha untuk meningkatkan pendapatan selari dengan hala tuju perancangan yang telah disusun pada tahun 2024.

8.2 Puan Nor Azizah binti Mamud (No. Anggota 1379) mencadangkan penyata kewangan berakhir pada 31 Disember 2023 yang teraudit diterima dan disokong oleh Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775).

9. MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

9.1 Membayar Dividen Caruman sebanyak 4.5 % untuk tahun kewangan 2023;

9.2 Membayar Dividen Saham 10% kepada anggota-anggota untuk tahun kewangan 2023;

9.3 Membayar saguhati kehormat (Honorarium) kepada Anggota Lembaga Koperasi sebanyak RM10,000.00 bagi Tahun Kewangan 2023; dan

9.4 Encik Syaifzan Aizad bin Mukhtar (No. Anggota 1432) telah mencadangkan agar perkara 9.1 dan 9.2 diterima dan disokong oleh Encik Mohamad Azhar bin Md Zabidi (No. Anggota 1876).

9.5 Encik Mohd Fadil bin Kamarul Zaman (No. Anggota 1775) telah mencadangkan agar perkara 9.3 diterima dan disokong oleh Encik Mohd Faez bin Mohd Daud (No. Anggota 2120).

Keputusan:

Mesyuarat bersetuju Dividen Caruman sebanyak 4.5 % serta Dividen Saham 10% kepada semua pencarum dan Saguhati Kehormat (Honorarium) kepada ALK sebanyak RM10,000.00 bagi tahun Kewangan 2023.

10. MEMBENARKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MEMBUAT PELABURAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG KECIL

10.1 Perkara 34(1)(k) iaitu “menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi ini”. Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

10.2 Perkara 34(1)(i) iaitu “menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi” dengan jumlah anggaran maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

10.3 Encik Mohd Khairizal bin Abdul Ghani (No. Anggota 1685) mencadangkan perkara 10.1 dan 10.2 dibenarkan / diluluskan, dan disokong oleh Puan Nurul Aida binti Che Mohamed Joni@Abd Ghani (No. Anggota 1719).

11. MEMBENTANG ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI SESI TAHUN 2024 – 2025

Puan Sarida binti Hj Saleh (No. Anggota 1279) selaku Bendahari membentangkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi sesi Tahun 2024 -2025.

11.1 Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644) memohon penjelasan berkaitan perkara 17 (Sumbangan / Cenderamata) pada muka surat 101 iaitu asas yang digunapakai untuk menentukan anggaran bagi tahun 2024 – 2025.

11.2 Puan Rinawati binti Mohamed Nawawi (No. Anggota 1232) menjelaskan bahawa anggaran ini perlu diletakkan, jumlah RM5,000.00 sebagai anggaran perkara 17 adalah amalan biasa koperasi, namun demikian perbelanjaan tersebut tidak digunakan pada tahun 2023.

11.3 Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad, Pengerusi Koperasi (No. Anggota 1372) mengesahkan perkara ini. Beliau juga memaklumkan bahawa penggunaan bajet bagi perkara ini juga adalah tertakluk kepada permohonan dan kelulusan ALK.

12. MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI

12.1 Pengerusi Mesyuarat memohon perwakilan agar memberikan kebenaran kepada Ahli Lembaga Pengarah untuk melantik dan memilih firma audit yang bertaualiah (dengan harga tawaran yang berpatutan selain dari pengalaman yang cekap) bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi.

12.2 Puan Nur Basirah binti Borhanuddin (No. Anggota 1951); mencadangkan pelantikan mana-mana firma audit yang difikirkan sesuai oleh pihak Koperasi diterima dan disokong oleh Encik Hassan Sani bin Birinsani (No. Anggota 1931).

13. MEMBENTANG USUL (JIKA ADA)

Sebanyak 21 usul telah diterima untuk dibahaskan seperti berikut:-

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
1	JOHOR	Pencadang: Encik Shahlizan bin Md Sah Penyokong: Encik Jeffry bin Suramin 1. Menaikkan kadar elaun mesyuarat dari RM50 kepada RM60.		/	Melibatkan peningkatan kos operasi Koperasi
2	KELANTAN	Pencadang: Encik Zaharin bin Bakri Penyokong: Puan Azrini binti Azmee 1. Diadakan Hari Keluarga Koperasi bagi mengeratkan hubungan antara ahli. Pencadang: Puan Haslinda binti Hassan Penyokong: Puan Hasiyaturamah binti Muhammad 2. Pinjaman dibuka untuk ahli keluarga ahli Koperasi. Ahli Koperasi tersebut boleh menjadi penjamin bagi pinjaman tersebut.		/	Melibatkan peningkatan kos operasi Koperasi Keanggotaan Koperasi Kakitangan LPPKN terhad kepada anggota dan pegawai LPPKN Sahaja

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
		Pencadang: Puan Hasiyaturamah binti Muhammad Penyokong: Puan Azrini binti Azmee 3. Mencadangkan bayaran dividen kepada ahli koperasi diawalkan (sebelum aidiladha)		/	Dividen dibayar selepas Mesyuarat Agung dilaksanakan
3	PERAK	Pencadang: Encik Mohamad Arslan Penyokong: Puan Anis Afiza binti Saleh 1. Pegangan saham maksimum dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000 bagi setiap pemegang saham. Pencadang: Encik Mohd Badri Penyokong: Encik Mohd Arslan 2. Pihak Koperasi boleh membantu ahli dengan membuat pelaburan dengan perniagaan ahli.	/	/	Pernah dibincangkan sebelum ini Sebarang kerja sama yang dapat memberi pulangan kepada Koperasi amatlah digalakkan
4	SABAH/ SARAWAK/ LABUAN	Pencadang: Encik Harman bin Luji Penyokong: Encik Mohd Faez bin Mohd Daud 1.Kadar komisen untuk pendaftaran ahli baru dapat dinaikkan dari RM30 kepada RM50 sahaja.		/	Melibatkan peningkatan kos operasi Koperas
5	PAHANG	Pencadang: Puan Juraida binti Muhamad Daud Penyokong: Puan Siti Asmah binti Ahmad 1.Mengusulkan supaya pihak Lembaga membenarkan ahli yang menarik diri dipendekkan tempohnya iaitu dari 12 bulan kepada 6 bulan sahaja. 2. Pembayaran dividen kepada anggota perlulah dipertimbangkan kerana mengikut UUK Koperasi, anggota masih mempunyai		/	Termaktub dalam UUK Koperasi Promosi telah diadakan seperti di Facebook Koperasi,

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
		hak,kewajipan dan liabiliti sebagai anggota dalam tempoh anggota menghantar notis.			Laman Sesawang dan Group Whatsapp Komuniti
6	WPKL	Pencadang: Puan Noor Zareena binti Mohd Noor Penyokong: 1.Mencadangkan usul untuk Koperasi membuat Pelaburan Emas bagi meningkatkan Penjanaan Pendapatan.		/	Risiko tinggi dan Koperasi fokus kepada cabang perniagaan yang dapat memberi pulangan kepada anggota
7	SELANGOR	Pencadang: Puan Sa'adiyah binti Mohamed Rashid Penyokong: Semua ahli LPPKN Selangor 1. Mencadangkan Koperasi menaikkan kadar Wang ganjaran kepada ahli yang berjaya membawa masuk ahli baru daripada RM20 kepada RM50 Pencadang: Encik Fairul bin Desa Penyokong: Puan Sa'adiyah binti Mohamed Rashid 2. Mencadangkan Koperasi membuat poster berkaitan manfaat sebagai ahli Koperasi supaya lebih ramai kakitangan LPPKN mendapat maklumat tersebut.		/	Melibatkan peningkatan kos operasi Koperasi Koperasi mempunyai laman sesawang, FB serta grup whatapps dalam memberi info dan promosi produk dan perkhidmatan
8	TERENGGANU	Pencadang: Puan Juzaida binti Hasan Penyokong: Encik Syahrul Ridzuan bin Mohd Shaim 1. Mencadangkan agar nilai saham dinaikkan daripada RM500 kepada RM1,000. Pencadang: Puan Siti Zaleha binti Musa Penyokong: 2. Mencadangkan agar kadar dividen tetap ahli dinaikkan dari 10% menjadi 15%.		/	Pernah dibincangkan sebelum ini Kadar dividen adalah tertakluk kepada keuntungan tahun berkenaan selepas ditolak kos operasi dan bayaran-bayaran lain

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
9	MELAKA	Pencadang: Encik Mohd Faiz bin Sabudin Penyokong: Encik Nur Amzar bin Kamarudin 1. Mengusulkan peminjam menjelaskan hutang pembiayaan sebelum berhenti atau bersara daripada LPPKN Pencadang: Encik Nur Amzar bin Kamarudin Penyokong: Encik Muhammad Halimi bin Mohamad Halid 3. Mencadangkan zero interest (0%) bagi pembiayaan tanpa penjamin selama 2 tahun		/	Anggota yang masih mempunyai baki hutang akan ditolak daripada caruman sebelum bersara. Tiada keuntungan kepada Koperasi
10	PERLIS	Pencadang: Puan Naemah binti Ibrahim Penyokong: Puan Ade Yusnetta binti Othman 1. Giatkan promosi keahlian baru melalui emel warga LPPKN dan pop up di komputer pegawai/ kakitangan LPPKN Pencadang: Puan Noor Dalilatul Naim binti Che Azmi Penyokong: Puan Ade Yusnetta binti Othman 2. Memberi penghargaan dan reward kepada ahli yang telah mengambil pembiayaan yang tinggi dan telah lama menjadi ahli koperasi		/	Setiap taklimat dan orientasi staf baru BPSM membuka ruang pada Koperasi memberi taklimat/promosi keanggotaan Koperasi Penghargaan sebanyak 3% daripada baki caruman kepada anggota Koperasi yang akan bersara sahaja.
11	IBU PEJABAT	Pencadang: Encik Muhammad Hafizul Ibrahim Penyokong: Encik Mohd Fadil Kamarul Zaman 1. Mencadangkan agar dividen bagi tahun ini dinaikkan ke 6%.		/	Kadar dividen adalah tertakluk kepada keuntungan tahun berkenaan selepas ditolak kos operasi dan bayaran-bayaran lain

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
12	AHLI LEMBAGA KOPERASI	1. Ahli Lembaga Koperasi mencadangkan Pengeluaran Modal Yuran, antara syarat syaratnya: i. Caruman ahli mestilah minimum 20% dan maksimum RM5,000.00. ii. Tiada penjamin. iii. Simpanan telah melebihi RM10,000.00. iv. Alasan yang kukuh, contohnya menunaikan haji. v. Pengeluaran hanya sekali seumur hidup. vi. Menjadi ahli koperasi melebihi 5 tahun. 2. Pemberian saguhati kepada anak-anak ahli yang mendapat pencapaian yang cemerlang dalam pelajaran. i. Saguhati diberikan adalah sebanyak RM100.00. Pencapaian 8A di dalam pelajaran.			

14. MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI (PINDAAN 2010) (JIKA ADA)

14.1 Puan Nor Ashikin binti Saad (No. Anggota 1478) telah membentangkan usul pindaan Undang-undang Kecil Koperasi (pindaan 2010).

14.2 Puan Vanida Fungsation (No. Anggota 1234) mencadangkan untuk meminda aturan Undang-undang Kecil Koperasi (Pindaan 2010) mengikut keperluan dan tambahan seperti dinyatakan oleh ALK dan disokong oleh Encik Mohamad Azhar bin Md Zabidi (No. Anggota 1876).

BIL	UNDANG – UNDANG KECIL ASAL	UNDANG – UNDANG KECIL PINDAAN	CATITAN
1.	Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut undang-undang kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan Peraturan, menjalankan aktiviti-aktiviti berikut: i. mengadakan kemudahan untuk membolehkan anggota menyimpan sebahagian daripada pendapatan dan memberi pinjaman kepada mereka itu dan kakitangan koperasi ini bagi maksud yang berfaedah dan mendatangkan keuntungan; ii. menjalankan aktiviti peruncitan, pemborongan dan lain-lain aktiviti pengguna iii. menjalankan aktiviti pengangkutan awam dan pelancongan; iv. menjalankan aktiviti pembersihan, dobi dan hiasan taman; v. menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota; vi. membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih; vii. melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta;	Bagi mencapai matlamat dan fungsi menurut Undang-undang Kecil 7 amnya dan 8 khasnya, Koperasi boleh, tertakluk kepada peruntukan Akta dan peraturan-peraturan menjalankan aktiviti berikut: i. membolehkan mereka menyimpan sebahagian daripada pendapatan secara tetap dan memberi pinjaman / pembiayaan kepada mereka bagi maksud yang berfaedah dan mendatangkan keuntungan ii. Memberi skim pinjaman kepada anggota untuk membeli barangan elektrik, perabot, barang-barang kemas dan kenderaan bermotor; iii. membeli, menjual, memindahkan hak milik, mendirikan, menyewa, mencagar, memajak, menggadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih; iv. menyediakan perkhidmatan takaful dan yang berkaitan dengannya; v. melaburkan wang berlebihan di dalam perkara yang dibenarkan menurut seksyen 54 Akta; vi. menyediakan perancangan dan penyelarasan acara, perkhidmatan katering dan ruang majlis, bekerja dan mesyuarat serta pameran; vii. menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan anggota;	Penambahan aktiviti - Mengikut aktiviti yang sedia ada dan baharu, mengikut keutamaan

BIL	UNDANG – UNDANG KECIL ASAL	UNDANG – UNDANG KECIL PINDAAN	CATITAN
	viii. mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan ix. menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain.	viii. Mengendali perniagaan tiket pengangkutan, perkhidmatan pelancongan, perhotelan, homestay, rumah peranginan dan aktiviti berkaitan dengannya ix. mengadakan subsidiari menurut seksyen 19 Akta dengan kelulusan Suruhanjaya; dan x. menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada koperasi lain. xi. Penganjuran acara dan sewaan fasiliti	
2	17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang-undang Kecil ini. Naskah tambahan akan dikenakan bayaran.	17. Tiap-tiap anggota hendaklah diberi dengan percuma satu naskah Undang undang Kecil ini atau anggota boleh memuat turun salinan digital melalui laman sesawang Koperasi ini.	
3	60. Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya RM30.00 (Ringgit: Tiga Puluh Sahaja) sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat - cermat dan pinjam - meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung.	61. Yuran bulanan anggota seperti yang diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya RM50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja) sebulan. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan jimat - cermat dan pinjam - meminjam yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung.	

15. HAL-HAL LAIN

15.1 Encik Syahrul Ridzuan bin Moh Shaim (No. Anggota 1507) mencadangkan dua (2) usul tambahan iaitu:

15.1.1 Koperasi boleh menjana pendapatan melalui penganjuran kursus / seminar memandangkan ramai dalam kalangan anggota koperasi mempunyai kepakaran dalam hal ini.

15.1.2 Koperasi boleh meneroka bidang penternakan sebagai salah satu cabang perniagaan baharu.

Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad, Pengerusi Koperasi (No. Anggota 1372) menyambut baik cadangan ini dan menjemput perwakilan untuk perbincangan lanjut dengan pihak koperasi.

- 15.2 Encik Mohamad Azhar bin Md Zabidi (No. Anggota 1876) memohon pencerahan berkenaan syer saham bagi anggota yang telah bersara / berhenti kerja; adakah ianya diiklankan atau sebaliknya.

Encik Mohd Azmy bin Jakomar, Setiausaha Koperasi (No. Anggota 1494) memaklumkan bahawa syer saham yang telah kosong boleh disemak / dipohon dengan menghubungi terus pihak koperasi LPPKN.

- 15.3 Puan Nurul Aida binti Che Mohamed Joni@Abd Ghani (No. Anggota 1719) mencadangkan (bagi pihak Encik Mohamad Zaharin bin Bakri) agar pihak koperasi meneroka bidang perniagaan berbentuk francais seperti mynews.

Encik Mohd Azmy bin Jakomar, Setiausaha Koperasi (No. Anggota 1494) memaklumkan bahawa koperasi telahpun meneliti bidang perniagaan ini, namun kos yang diperlukan agak besar serta pulangan modal yang lambat menyebabkan ianya tidak diteruskan.

Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad, Pengerusi Koperasi (No. Anggota 1372) juga memaklumkan bahawa koperasi telah mengeluarkan kos besar untuk Arabella Event Hall. Ini menjadi fokus utama koperasi pada 2024.

16. ULASAN DARIPADA WAKIL SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

- 16.1 Puan Anis Syahira binti Azhar, wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) mengucapkan tahniah kepada semua ALK dan perwakilan yang hadir kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Koperasi Kakitangan LPPKN kali ke-28.
- 16.2 Secara keseluruhannya pihak SKM berpuas hati dengan mesyuarat yang telah berlangsung.
- 16.3 Pihak SKM juga mengucapkan tahniah kepada Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad kerana berjaya menceburi bidang perniagaan baharu melalui Arabella Event Hall. Pihak SKM juga bersedia membantu dari aspek nasihat mahupun kewangan dalam mengembangkan perniagaan baharu ini.
- 16.4 Pihak SKM akan menganjurkan Hari Koperasi Kebangsaan di Negeri Perlis pada tahun ini. Majlis akan disempurnakan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan pihak SKM akan menjemput Koperasi Kakitangan LPPKN untuk turut sama hadir ke program ini.

17. PENANGGUHAN MESYUARAT

Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 12.56 tengah hari dengan ucapan terima kasih diatas kehadiran wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu Puan Anis Syahira binti Azhar dan perwakilan yang memberikan kerjasama dalam melancarkan proses Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-28.

Disediakan oleh:



(MOHD AZMY BIN JAKOMAR)

Setiausaha Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

Disahkan oleh:



(AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD)

Pengerusi Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

**SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN UNTUK MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN 2023 PADA 22 JUN 2024**

NEGERI	BIL	NAMA PERWAKILAN	NO AHLI
Kedah/Perlis	1	Pn Vanida Fungsathian	2107
	2	En Mohamad Azhar bin Md Zabidi	1876
	3	En Hassan Sani bin Birinsani	1931
Johor	4	En Jeffry bin Suramin	1815
	5	Cik Marita binti Tenong	1908
Kelantan	6	Pn Nurul Aida binti Che Mohamad Joni@Abd Ghani	1719
Perak	7	Pn Che Engku Hazita binti Che Engku Daik	1793
	8	Pn Yelilarasi A/P Mirah (Tidak Hadir)	1624
Sabah/Sarawak/ Labuan	9	En Mohd Faez bin Mohd Daud	2120
Pahang	10	En Muhammad Mirza Bin Mohd Azme	2066
WPKL	11	Pn Nur Shidah binti Talib	1616
	12	En Ahmad Nasaruddin bin Mohammad	1741
Pulau Pinang	13	En Syaifzan Aizad bin Mukhtar	1432
	14	En Muhammad Kamarul Naim bin Abdullh	2003
Selangor	15	En Fairul bin Desa	2041
	16	Pn Fatimah binti Jaafar	1843
Terengganu	17	En Syahrul Ridzuan bin Mohd Shaim	1507
Negeri Sembilan/ Melaka	18	Pn Ratifah binti Baki	1253
	19	Cik Diana binti Dandan	2069
	20	Pn Kamsiah binti Kasti	1884
Ibu Pejabat	21	Pn Nor Aziah binti Mamud	1379
	22	Pn Chek Liza binti Saad	1356
	23	En Abdul Qayyum bin Abd Jalil	1969
	24	En Mohd Khairizal bin Abd Ghani	1685
	25	En Ahmad Rasyidee bin Abdul Razak	1938
	26	En Mohammad Faiz bin Mat Nor	1502
	27	Pn Nur Basirah binti Borhanuddin	1951

	28	En Mohd Fadil bin Kamarul Zaman	1775
	29	En Mohammad Zahied bin Mat Rus (Tidak Hadir)	1339
Juru Audit Dalam	30	Pn Nor Aziah binti Mohammad Mahayuddin	1644
	31	Pn Noor Hafiza binti Ibrahim	1645
	32	Pn Izariana binti Ibrahim (Tidak Hadir)	1952
Ahli Lembaga Koperasi	33	En Ahmad Hashimi Bin Mohammad	1372
	34	En Mohd Azmy Bin Jakomar	1494
	35	Pn Sarida Binti Hj Saleh	1279
	36	Pn Rinawati Binti Mohamed Nawawi	1232
	37	En Syed Izman Bin Syed Aziz Al-Khadri	1000
	38	En Norhamizan Bin Hashim	1678
	39	Pn Nor Ashikin Binti Saad	1478
	40	En Mohd Firdaus Bin Mazalan	1932
	41	En Mohamad Nazri bin Mohamed Nor	1903

Menentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 28, yang telah diadakan pada 13 Ogos 2024 (Selasa) jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi Tingkat 9 Bangunan LPPKN telah disemak dan ditentusah oleh Jawatankuasa Menentusah Minit pada 13 Ogos 2024 (Selasa) 10.30 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi Tingkat 9.

BIL	NAMA	NO AHLI
1	Encik Mohd Khairizal bin Abdul Ghani	1685
2	Encik Mohammad Faiz bin Mat Nor	1502
3	Puan Chek Liza binti Saad	1356
4	Puan Nur Basirah binti Borhanuddin	1951
5	Encik Ahmad Rasyidee bin Abdul Razak	1938
6	Puan Nur Shidah binti Talib	1616

Laporan
Tahunan Anggota Lembaga
Koperasi Kakitangan
LPPKN (M) Berhad
Bagi Tempoh
1 Januari 2024
Hingga
31 Disember 2024

LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD **BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2024**

MUKADIMAH

Terlebih dahulu Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota koperasi dan juga pengurusan koperasi yang telah memberi kerjasama, sokongan dan cadangan yang membina ke arah kemajuan koperasi. Sukacita kami Anggota Lembaga Koperasi membentangkan Laporan Tahunan Pengurusan dan Kewangan Berakhir 31 Disember 2024 yang telah diaudit. Koperasi telah beroperasi sebagai sebuah koperasi kredit dan serbaguna dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti mengikut Pematuhan Syariah. Aktiviti koperasi pada tahun 2024 adalah seperti berikut:

1. Aktiviti Koperasi

1.1 Simpanan Dan Pembiayaan

Simpanan wang pada setiap bulan serta menyediakan kemudahan pembiayaan kepada anggota koperasi.

- | | |
|---|--|
| ✓ Pembiayaan Tawaruq Berjamin | ✓ Pembiayaan Tanpa Penjamin |
| ✓ Pembiayaan Pendidikan | ✓ Pembiayaan Murabahah |
| ✓ Pembiayaan Bantuan Awal Persekolahan Dan Perayaan | ✓ Pembiayaan Murabahah Barang Pengguna |
| ✓ Pembiayaan Umrah/Pelancongan | ✓ Pembiayaan Takaful Kenderaan |

1.2 Perkhidmatan Perdagangan

Menyediakan perkhidmatan perdagangan barangan pengguna untuk membolehkan anggota koperasi, dan organisasi membeli barangan elektrik, elektronik dan pelbagai barangan lain dengan harga yang kompetitif. Dengan adanya kerjasama dengan pembekal atau penjual, perkhidmatan perdagangan ini juga boleh membantu dalam menjalankan program-program promosi atau diskaun khas untuk anggota koperasi.

1.3 Skim takaful/Insuran

Menyediakan kemudahan takaful dapat memberi pelbagai manfaat kepada ahli koperasi dengan menawarkan pelan yang sesuai dengan keperluan dan keupayaan ahli koperasi.

1.4 Ejen Pembayaran

Menjadi ejen pembayaran, dalam memudahkan urusan kewangan ahli. Ini bermaksud koperasi menyediakan perkhidmatan pembayaran seperti menerima bayaran bil utiliti, astro, prabayar bayaran pinjaman, pembelian produk, dan sebagainya.

1.5 Perniagaan Ruang Acara

Menjalankan perniagaan ruang acara yang menyediakan dan menawarkan pelbagai pakej perkhidmatan seperti majlis perkahwinan, seminar, kursus, acara komuniti. Model perniagaan ini lebih mampan kerana ia memberi tumpuan kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi ahli dan komuniti setempat.

1.6 Pembekal bekalan dan kontraktor berdaftar

Menjadi pembekal bekalan dan kontraktor berdaftar (E-perolehan) bukan sahaja memberi manfaat kepada anggota koperasi, tetapi juga membuka peluang untuk meningkatkan pendapatan koperasi.

BIL	KOD	KETERANGAN
1	010102	Bahan Bacaan
2	010201	Kertas
3	010501	Kamera dan Aksesori
4	020403	Bahan Pencuci dan Pembersihan
5	020601	Alatulis (Tidak Termasuk Borang dan Semua Jenis Kertas)
6	020801	Pakaian
7	020802	Kelengkapan Pakaian
8	030101	Pakaian Sukan dan Aksesori
9	030201	Cenderamata dan Hadiah
10	030501	Peralatan Sukan
11	040103	Makanan Bermasak Islam
12	080101	Kelengkapan/Kemudahan Awam
13	210201	Alat Perhubungan
14	221110	Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator/Negotiator
15	221510	Tempat Letak Kereta
16	010601	Kit Pendidikan
17	010602	Bahan Pendidikan
18	020604	Tanda dan Stiker
19	110101	Basikal
20	110105	Bas
21	221001	Pembersihan Bangunan dan Pejabat
22	221002	Khidmat Kebersihan dan Rawatan
23	221101	Kakitangan Iktisas(Profesional) -Tidak Termasuk Khidmat Rundingan
24	221102	Kakitangan Separa Iktisas(Profesional) - Tidak Termasuk Khidmat Rundingan
25	221303	Fotografi
26	221305	Taman Hiburan dan Karnival/Pestaria
27	221501	Peyewaan dan Pengurusan/perabot
28	221506	Ruang Niaga
29	221511	P.A Sistem an Alat Muzik
30	222010	Perkhidmatan Fotostat

2. ANGGOTA LEMBAGA DAN BIRO JAWATANKUASA

Bagi Tahun 2024, adalah seperti berikut:

- En. Ahmad Hashimi bin Mohammad - Pengerusi
- Pn. Sarida binti Hj Saleh - Bendahari
- En. Mohd Azmy bin Jakomar - Setiausaha
- Pn. Rinawati Mohamed Nawawi
- Pn. Nor Ashikin binti Saad
- En. Mohd Firdaus bin Mazalan
- En. Norhamizan bin Hashim
- Pn. Nor Azizah binti Mamud
- En. Mohamed Nazri bin Mohd Nor

2.1 BIRO JAWATANKUASA PENGGUNA DAN PERNIAGAAN

- Pn. Rinawati Mohamed Nawawi
- Pn. Nor Azizah binti Mamud

2.2 BIRO JAWATANKUASA PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN

- Pn. Nor Ashikin binti Saad
- En. Mohd Firdaus bin Mazalan

2.3 BIRO JAWATANKUASA PELABURAN

- En. Norhamizan bin Hashim
- En. Mohamed Nazri bin Mohd Nor

3. JAWATANKUASA JURUAUDIT DALAMAN

- Nor Aziah binti Mohamed Mahayuddin
- Norhafiza binti Ibrahim
- Izariana binti Ibrahim

4. PENGURUSAN KOPERASI:

Koperasi mempunyai 3 orang kakitangan terdiri daripada :-

- Pn. Nadira binti Mohd Zameil - Pengurus
- Pn. Farah Najwa binti Mohamad Rashid - Personnel Akaun
- En. Wan Ahmad Faiz bin Wan Md Din - Personnel Admin
- Cik. Adibah binti Ahmad Ramli - Personnel Admin

5. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2024

5.1 Sepanjang tahun kewangan 2024, Koperasi telah mencatatkan prestasi kewangan yang memberangsangkan dengan jumlah pendapatan keseluruhan sebanyak RM835,506. Pada masa yang sama, jumlah perbelanjaan operasi dan pengurusan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM436,188. Berdasarkan prestasi ini, Koperasi berjaya merekodkan keuntungan bersih sebanyak RM399,318. Pencapaian ini mencerminkan kecekapan pengurusan kewangan serta keberkesanan strategi perniagaan yang dilaksanakan. Keuntungan bersih ini juga menjadi asas kukuh dalam memperkukuhkan daya saing Koperasi serta meningkatkan keupayaan untuk memberi pulangan yang lebih mampan kepada para anggota.

5.2 Pada Mei 2018, Koperasi telah membuat pelaburan berjumlah RM500,000.00 dalam bentuk pembelian saham Islamic Redeemable Preference Shares (i-RPS) di bawah ACE Holding Berhad sebagai salah satu inisiatif untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan. Walau bagaimanapun, pelaburan ini tidak dapat diteruskan seperti dirancang apabila ACE Holding Berhad berdepan dengan tindakan penguatkuasaan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia serta gagal menunaikan komitmen pembayaran pulangan kepada pelabur termasuk Koperasi. Sehubungan itu, tindakan undang-undang telah diambil dan kes ini kini masih dalam proses perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Koperasi akan terus memantau perkembangan kes ini secara rapat demi melindungi kepentingan dan hak anggota.

5.3 Dua unit kondominium di Seri Tijanni telah berjaya disewakan dengan kadar sewaan bulanan sebanyak RM1,500.00 bagi setiap unit. Langkah ini bukan sahaja menjana pendapatan tetap kepada koperasi, malah turut mencerminkan potensi aset hartanah yang dimiliki sebagai sumber pelaburan yang stabil dan mampan.

6. PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

6.1 Selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil, tiga (3) orang Anggota Lembaga Koperasi yang dipilih ialah seperti berikut:

- i. En. Mohd Azmy bin Jakomar
- ii. Pn. Nor Ashikin binti Saad
- iii. En. Mohd Firdaus bin Mazalan

7. MODAL YURAN ANGGOTA

7.1 Pada tahun kewangan 2024, Koperasi mencatatkan jumlah keseluruhan modal yuran sebanyak RM6,427,495, mencerminkan keyakinan berterusan para anggota terhadap tadbir urus dan kestabilan kewangan koperasi. Di samping itu, jumlah modal syer anggota turut merekodkan peningkatan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM112,762. Kedua-dua komponen ini merupakan tunjang penting dalam memperkukuhkan asas kewangan koperasi serta membolehkan pengembangan aktiviti ekonomi dan pelaburan yang lebih strategik demi manfaat jangka panjang anggota.

7.2 Sehingga akhir tahun 2024, jumlah keseluruhan anggota Koperasi Kakitangan LPPKN M Berhad adalah seramai 639 orang. Sepanjang tahun tersebut, seramai 11 orang anggota baharu telah mendaftar, manakala sebanyak 29 orang anggota telah menamatkan keanggotaan atas pelbagai sebab termasuk persaraan, perletakan jawatan dan kematian. Walaupun berdepan dengan penyusutan semula jadi keanggotaan, koperasi terus komited dalam usaha memperkukuh penyertaan anggota melalui pelbagai inisiatif promosi.

Sebagai dorongan tambahan, koperasi telah melaksanakan skim insentif saguhati sebanyak RM20.00 kepada setiap anggota yang berjaya memperkenalkan anggota baharu. Inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan penyertaan baharu tetapi juga memperkukuh semangat kebersamaan dan jaringan sesama anggota.

Selaras dengan usaha transformasi digital dan penambahbaikan perkhidmatan, koperasi turut melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem laman sesawang keanggotaan. Kini, anggota boleh mengakses maklumat peribadi, semakan kelayakan pembiayaan, serta mengurus urusan keanggotaan secara dalam talian dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Langkah ini mencerminkan komitmen koperasi untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih mesra pengguna dan berorientasikan teknologi.

8. MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

8.1 Dalam tahun 2024 Anggota Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat biasa sebanyak 12 kali adalah seperti berikut :

a) Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga Koperasi

BIL	TARIKH
1.	26 Januari 2024
2.	23 Februari 2024
3.	29 Mac 2024
4.	26 April 2024
5.	24 Mei 2024
6.	28 Jun 2024
7.	31 Julai 2024
8.	28 Ogos 2024
9.	30 September 2024
10.	25 Oktober 2024
11.	29 November 2024
12.	30 Disember 2024

8.2 CARTA KEHADIRAN MESYUARAT BULANAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN 2023.

Bil	Nama	Bulan											
		J	F	M	A	M	J	J	A	S	O	N	D
1.	En. Ahmad Hashimi bin Mohammad	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
2.	Pn. Sarida binti Hj Saleh	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3.	En. Mohd Azmy bin Jakomar	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Pn. Rinawati binti Mohamed Nawawi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Pn. Nor Ashikin binti Saad	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
6.	En. Mohd Firdaus bin Mazalan	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	×	✓	✓	×	✓
7.	En. Norhamizan bin Hashim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
8.	En. Mohamed Nazri binti Md Nor	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
9.	En. Syed Izman Syed Aziz Al Khadri	✓	✓	✓	✓	✓							
10.	Pn. Nor Azizah binti Mamud						✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓

* Nota: ✓ Hadir
× Tak Hadir

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA

9.1 Pada tahun kewangan 2024, Lembaga Koperasi telah meluluskan jumlah pembiayaan sebanyak RM5,952,379 kepada anggota, menunjukkan peningkatan ketara berbanding jumlah pembiayaan RM4,758,692 yang diluluskan pada tahun 2023. Lonjakan ini mencerminkan permintaan yang semakin tinggi terhadap kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh Koperasi, selain menunjukkan keyakinan anggota terhadap keupayaan serta kecekapan pengurusan Koperasi dalam menyediakan khidmat pembiayaan yang kompetitif dan berdaya saing.

Sehingga 31 Disember 2024, baki keseluruhan pembiayaan semasa yang direkodkan adalah sebanyak RM7,548,256. Ini menunjukkan aliran tunai yang aktif serta keupayaan Koperasi untuk mengurus portfolio pembiayaan dengan baik. Had maksimum pembiayaan yang dibenarkan kepada setiap anggota kekal ditetapkan pada paras RM100,000.00, bergantung kepada kelayakan serta terma yang ditetapkan.

Koperasi akan terus komited dalam memperkasakan kemudahan pembiayaan sebagai salah satu teras utama perkhidmatan kepada anggota, dengan memastikan penilaian kredit yang telus, kadar faedah yang berpatutan, serta sistem penyampaian yang lebih efisien melalui transformasi digital.

9.2 Prestasi pembiayaan anggota menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan bagi tahun kewangan 2024. Jumlah pembiayaan yang telah diluluskan sepanjang tahun 2024 mencatatkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Perbandingan jumlah pembiayaan yang diluluskan bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023 adalah seperti berikut.

Pembiayaan	2024	2023
Tunai	5,392,135	5,112,928
Pengguna	44,855	346,081
Perayaan/lpta	37,890	42,131
Takaful	8,100	5,136
Tanpa Penjamin	2,065,186	1,611,074
Jumlah	7,548,166	7,117,350

9. SKIM INSURAN

Koperasi sebagai agen untuk beberapa Skim Insurans Berkelompok dan Insurans Am. Dengan kerjasama ini, koperasi dapat menyediakan pelbagai manfaat insurans kepada anggotanya. Ini termasuk perlindungan insurans yang meliputi kesihatan, kemalangan, harta benda, dan lain-lain.

- i. Great Eastern Life Assurance (M) Berhad (Skim Berkelompok)
- ii. Ace Jerneh Insurance Berhad/CHUBB (Skim Berkelompok)
- iii. Takaful Ikhlas

Ahli Lembaga Koperasi merayu agar anggota koperasi menggunakan perkhidmatan insurans yang disediakan oleh koperasi. Dengan cara ini, bukan sahaja anggota mendapat perlindungan yang diperlukan, tetapi mereka juga turut menyumbang kepada kekuatan dan daya tahan koperasi mereka sendiri.

10. AKTIVITI BIRO – BIRO

11.1. Biro Pelaburan

- a) Membeli, menjual memindah hak milik, menyewa, mencagar, memajak, mengadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- b) Melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut Seksyen 54 Akta;
- c) Menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada Koperasi lain;
- d) Lain-lain pelaburan yang bersesuaian.

11.2 Biro Pengguna Pembangunan Perniagaan

- a) Menjalankan aktiviti peruncitan, pemborongan dan lain-lain aktiviti pengguna koperasi kakitangan LPPKN Malaysia Berhad;
- b) Menjalankan aktiviti pelancongan;
- d) Pembayaran bil-bil dan jualan top-up,
- e) Perlindungan insurans perjalanan.
- f) Menyediakan servis penghantaran dan penerimaan Kurier
- g) Perolehan perkhidmatan dan bekalan untuk LPPKN
- h) Menyediakan Perkhidmatan Ruang Acara (Arabella Event Hall)

11.3 Biro Pembangunan Pendidikan Dan Kebajikan

- a) Mengadakan Bengkel untuk kakitangan dan Ahli Lembaga Koperasi
- b) Menghantar Ahli Lembaga Koperasi untuk menghadiri kursus wajib Koperasi
- c) Menghadiri Mesyuarat Agung ANGKASA
- d) Menghantar kakitangan mengikuti kursus di Maktab Kerjasama Malaysia
- e) Kematian anggota/kakitangan dan keluarga anggota/kakitangan;
- f) Masuk wad hospital (anggota/kakitangan)
- g) Perkahwinan anggota/kakitangan (tuntuan kali pertama);
- h) Anggota/kakitangan yang berada di dalam keadaan kesusahan akibat dari bencana alam yang menyebabkan kerosakan harta benda;
- i) Anggota/kakitangan yang berada dalam kesusahan mengikut budi bicara Lembaga.

** Laporan Biro-Biro adalah seperti dilampiran*

12. PENGHARGAAN

Kejayaan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad adalah daripada hasil usaha dan kerjasama pelbagai pihak. Anggota Lembaga Koperasi merakamkan setinggi penghargaan kepada:

- * Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.
- * Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- * Anggota Koperasi.
- * Pengurusan Koperasi.
- * Juruaudit Dalam

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (c) AKTA KOPERASI 1993**


Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (Malaysia) Berhad dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan yang diperbuat dibawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga melaporkan bahawa:-

- a) Pada pendapat Lembaga, hasil operasi Koperasi bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2024 tidak dipengaruhi secara berkesan oleh perkara-perkara abnormal mengikut takrif Seksyen 59 (4), Akta Koperasi 1993.
- b) Berdasarkan kepada keuntungan yang diperolehi, Koperasi bercadang membuat pembahagian seperti berikut :-

(i) Dividen atas Syer Anggota pada kadar (10 %)	RM 11,066.25
(ii) Pulangan atas Yuran Anggota pada kadar (5.25 %)	RM 323,923.17
(iii) Honorarium Anggota Lembaga	RM 10,000.00
- c) Pelarasan-pelarasan akaun seperti yang ditunjukkan di dalam Akaun Pembahagian Keuntungan dan akaun-akaun lain tahun ini adalah dipersetujui oleh Anggota Lembaga.
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai Aset dan Liabiliti Koperasi yang diamalkan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- e) Dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi tiada Liabiliti Kontinjen yang diakujanji oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- f) Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah Aset Semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut diatas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993.


.....
(AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD)
Pengerusi


.....
(MOHD AZMY BIN JAKOMAR)
Setiausaha


.....
(SARIDA BINTI HJ SALEH)
Bendahari

MANFAAT KEANGGOTAAN



MAKLUMAT KEWANGAN

TAHUN	NILAI ASET	MODALSYER & YURAN	PENDAPATAN AKTIVITI	KEUNTUNGAN BERSIH	JUMLAH AHLI
2024	12,600,657	6,540,257	835,506	399,318	657
2023	11,196,156	6,862,209	779,172	333,658	657

LAPORAN BIRO - BIRO 2024

KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD**❖ Biro Pembangunan Pendidikan Dan Kebajikan**

- Memastikan semua Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan Juru Audit Dalam (JAD) Koperasi menghadiri Kursus Wajib yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- Memberi informasi berkaitan kursus-kursus yang ditawarkan oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang relevan dengan aktiviti Koperasi kepada ahli Koperasi.
- Menyelaras dan memantau media sosial Koperasi.
- Mempromosi produk pembiayaan kepada anggota Koperasi.
- Mengadakan bengkel untuk kakitangan dan Ahli Lembaga Koperasi
- Menghantar kakitangan mengikuti kursus di Institut Koperasi Malaysia (IKMa);
- Manfaat persaraan bagi anggota yang bersara wajib.
- Menyelaras permohonan ahli bagi bantuan tabung kebajikan Koperasi seperti berikut:

BIL	JENIS TABUNG	KELAYAKKAN	JUMLAH (RM)
1	Kematian	a. Anggota/Kakitangan b. Pasangan yang sah c. Anak sendiri, anak tiri atau anak angkat anggota/kakitangan yang sah d. Iubapa anggota/kakitangan sendiri	1,000.00 400.00 400.00 400.00
2	Dimasukkan ke hospital kecuali bersalin (hanya untuk anggota/kakitangan sahaja)	a. Tinggal di wad hospital 3 hari b. Tinggal di wad hospital 4-7 hari c. Tinggal di wad hospital melebihi 8 hari (Terhad kepada maksimum 2 (dua) kali dalam setahun)	50.00 100.00 150.00
3	Perkahwinan	Untuk perkahwinan pertama sahaja dan telah menjadi anggota/kakitangan lebih dari satu tahun	200.00
4	Bencana alam	a. Kebakaran rumah; b. Banjir; c. Tanah runtuh; d. Lain-lain musibah mengikut budi bicara ALK	200.00

LAMPIRAN :**1. MASUK HOSPITAL (WAD)**

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Muhammad Hafizul Bin Ibrahim	Hospital	LPPKN HQ
2	Muhammad Hafizul Bin Ibrahim	Hospital	LPPKN HQ
3	Siti Noor Azizah Binti Abdul Hamid	Hospital	LPPKN HQ
4	Sharlissa Binti Othman	Hospital	LPPKN HQ
5	Santiran A/L Ssinniah	Hospital	LPPKN HQ
6	Santiran A/L Ssinniah	Hospital	LPPKN HQ
7	Nur Amzar Bin Kamarudin	Hospital	LPPKN Melaka
8	Zulhilmi B Mat Zin	Hospital	LPPKN WPKL
9	Azrin Bin Selim@Salim	Hospital	LPPKN HQ
10	Nur Izzati Binti Samsudin	Hospital	LPPKN Johor
11	Sharlissa Binti Othman	Hospital	LPPKN HQ
12	Abdul Shukor Abdullah	Hospital	LPPKN HQ
13	Fadzly Bin Mustafa	Hospital	LPPKN HQ
14	Nor Azura Binti Mat Hassan	Hospital	LPPKN HQ
15	Nur Shidah Binti Talib	Hospital	LPPKN HQ
16	Santhiran A/L Sinniah	Hospital	LPPKN HQ
17	Mohd Shahril Azuan Razali	Hospital	LPPKN Perlis
18	Izariana Binti Ibrahim	Hospital	LPPKN HQ
19	Mohamad Rizal Bin Rosli	Hospital	LPPKN HQ
20	Mohd Zulfadly Bin Zainal	Hospital	LPPKN HQ
21	Fatimah Salihah Binti Mohamed Izhar	Hospital	LPPKN Terengganu

2. KEMATIAN

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Razania Binti Salleh	Kematian Bapa	LPPKN Perak
2	Siti Zaleha Binti Musa	Kematian Ibu	LPPKN Terengganu
3	Nur Ashikin Binti Mohammad Fuzi	Kematian	LPPKN HQ
4	Md Shukry Bin Mad Noor	Kematian Ibu	LPPKN HQ
5	Nurul Aida Binti Che Mohamed Joni@ Abd Ghani	Kematian Bapa	LPPKN Kelantan
6	Nor Azura Binti Mat Hassan	Kematian Bapa	LPPKN HQ
7	Mohamad Azrol B Mohd Noor	Kematian Ibu	LPPKN Pulau Pinang
8	Izani Binti Abd Karim	Kematian Ibu	LPPKN HQ
9	Siti Hasmah Binti Marison	Kematian Bapa	LPPKN Johor
10	Mohd Faisal Bin Helden	Kematian Ayah	LPPKN Sabah
11	Khairun Nisa Binti Mohd Said	Kematian Ayah	LPPKN WPKL
12	Mimi Rohaida Binti Muhamad Razali	Kematian Ibu	LPPKN Johor

3. BENCANA ALAM

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1.	Farozita Binti Jamal	Bencana Alam	KNS Kota Tinggi
2.	Awaluddin Bin Adam	Bencana Alam	LPPKN Sabah
3.	Jodie Kessy Primus	Bencana Alam	LPPKN Sabah
4.	Farahiyah Binti Mohd Hudzri	Bencana Alam	LPPKN Kedah
5.	Nur Azrini Binti Azmee	Bencana Alam	LPPKN Kelantan
6.	Nor Aklily Binti Mustapha	Bencana Alam	LPPKN Kelantan

4. PERKAHWINAN

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Mursyalim Bin Zamril	Perkahwinan	LPPKN HQ
2	Muhammad Shamsul Azrin Bin Shamsuddin	Perkahwinan	LPPKN HQ
3	Nurul Amira Binti Mohd Rodzi	Perkahwinan	LPPKN HQ

5. SAGUHATI BAGI ANGGOTA BERSARA

BIL	NAMA	TUNTUTAN	BAHAGIAN/NEGERI
1	Norbi Bin Ismail	Ahli Bersara	LPPKN Kedah
2	Mohd Azme Bin Mohamed	Ahli Bersara	LPPKN HQ
3	Zulkipli Bin Md Hassain	Ahli Bersara	LPPKN Perak
4	Azlinda Binti Abdul Aziz	Ahli Bersara	LPPKN HQ
5	Azizah Binti Mat Salleh	Ahli Bersara	LPPKN HQ
6	Mardiana Binti Mohd Rawi	Ahli Bersara	LPPKN Pahang
7	Sharifah Farida Binti Syed Hassan	Ahli Bersara	LPPKN Johor
8	Rasidah Binti Baharon	Ahli Bersara	LPPKN Johor
9	Siti Aminah Binti Abdul Jalil	Ahli Bersara	LPPKN Kedah
10	Mohd Azmi A. Aziz	Ahli Bersara	LPPKN Negeri Sembilan
11	Dr. Komathy A/P Thiagarajan	Ahli Bersara	LPPKN HQ
12	Jomhari Bin Adinta	Ahli Bersara	LPPKN WP Labuan

Laporan Keahlian Koperasi Kakitangan LPPKN adalah seperti berikut:

6. KEAHLIAN

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Ahli Baru	13
2	Ahli Berhenti - Bersara	12
3	Ahli Berhenti - Lain-Lain Sebab	17
4	Ahli Meninggal	0

* Jumlah Bilangan Keahlian Sehingga 31 Disember 2024 Adalah Seramai **612 Orang**

**LAPORAN BIRO PENGGUNA DAN PERNIAGAAN
KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BAGI TAHUN 2024**

PENDAPATAN

Bekalan LPPKN	249,873.90
Tolak: Pulangan Bekalan LPPKN	225,348.91
Jualan Bersih	24,524.99
Tolak: KOS JUALAN	
Stok Awal	394.00
Campur: Belian	154.49
	548.49
Tolak: Stok Akhir	3,056.03
	(2,507.54)
Jumlah Kos Jualan	(2,507.54)
Untung Kasar Perdagangan	27,032.53
PELBAGAI PENDAPATAN	
Jualan Barangan Runcit	4,132.68
Jumlah Pendapatan	31,165.21


LAPORAN BIRO PELABURAN**SENARAI PELABURAN MELALUI HARTANAH KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD
SEHINGGA 31 DISEMBER 2024**

BIL	JENIS ASET	TAHUN BELIAN	KOS BELIAN (RM)	NILAI SEMASA (Bawaan)	SEWAAN SECARA KONTRAK MELALUI AGEN SECARA 2+2+1 TAHUN SEHINGGA 10 TAHUN MAKSIMUM
1	Unit 15-2, Kondominium Sri Tijanni, Rawang, Selangor	2018	560k	514k	1,500.00
2	Unit 13-A9, Kondominium Sri Tijanni, Rawang, Selangor	2019	560k	520k	1,500.00
3	Unit 13-02 Armani SOHO	2020	350k	336k	2,100.00
4	JUMLAH		1,470M	1,370M	

- Unit 13-02 Armani SOHO di Damansara, Selangor
- Unit 13-A9, Kondominium Sri Tijanni, Rawang, Selangor
- Unit 15-2, Kondominium Sri Tijanni, Rawang, Selangor



KONDOMINIUM SERI TIJANI





Laporan Pematuhan Syariah



LAPORAN PENILAIAN PEMATUHAN SYARIAH

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK DAN KELUARGA MALAYSIA BERHAD

(KOD:WP0059)

DISEDIAKAN OLEH:  MUHAMAD NIZAM BIN ZUBAIRI PEGAWAI SEKSYEN PEMATUHAN SYARIAH BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH ANGKASA	DISEMAK OLEH:  MOHAMAD AZAHARI BIN AHMAD PENGURUS SEKSYEN PEMATUHAN SYARIAH BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SYARIAH ANGKASA
---	---

KETUA PENILAI:	En. Mohamad Azahari Ahmad	PEGAWAI PENILAI:	En. Muhamad Izmul Nizam Zubairi
PEGAWAI KOPERASI:	En. Wan Ahmad Faiz Wan Md Din	ALAMAT:	No.12b, Tingkat 9, Bangunan Lppkn, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
NO. HANDPHONE:	03-26928661	EMEL KOPERASI:	koperasilppkn@gmail.com
BIL. AUDIT / TARIKH PENGAUDITAN:	Bil. 2 / 22.5.2025	TARIKH PENSIJILAN:	22.7.2022 – 22.7.2024
FUNGSI KOPERASI:	Kredit	JENIS AKTIVITI:	Pembiayaan

A. TUJUAN	B. LATAR BELAKANG
Laporan Penilaian Pematuhan Syariah ini akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Syariah ANGKASA (MJASA) Kali Ke 65 bertujuan memohon pengesahan dan kelulusan berkenaan Pensijilan Pematuhan Syariah terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan di koperasi.	Koperasi ini merupakan salah satu koperasi yang memohon pengiktirafan Pensijilan Pematuhan Syariah ANGKASA. Selaras dengan Garis Panduan (GP28) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), koperasi ini bertanggungjawab untuk menjadikan produk dan aktiviti memenuhi keperluan praktis Syariah semasa.

MESYUARAT JAWATANKUASA SYARIAH ANGKASA (MJASA) | 2

Bahagian C: Senarai Semak Dokumentasi

Konsep Syariah	Dokumentasi	Tandakan	
Tawarruq	Borang Permohonan Pembiayaan	✓	x
	Perjanjian Pembiayaan	✓	
	Lampiran Wakalah	✓	
	Lampiran Wa'd	✓	
	Sijil Komoditi	✓	
	Baucer Bayaran	✓	

Konsep Syariah	Dokumentasi	Tandakan	
Murabahah	Borang Permohonan Pembiayaan	✓	x
	Perjanjian Pembiayaan	✓	
	Lampiran Lafaz Akad	✓	

D. HASIL DAPATAN SYARIAH			
KONSEP SYARIAH: TAWARRUQ SISTEM TAWARRUQ: BURSA			
NAMA PEMBIAYAAN	SEMAKAN MENGIKUT BULAN TRANSAKSI DIJALANKAN	ULASAN PEGAWAI SYARIAH	
Pembiayaan Peribadi	Januari hingga Mei 2025	- Hasil semakan dokumentasi yang telah disediakan oleh koperasi telah memenuhi keperluan Syariah melalui struktur produk pembiayaan di bawah konsep Tawarruq. Transaksi jual beli komoditi berjalan melalui Sistem Tawarruq Bursa Suq Al-Sila'. - Dari aspek keperluan dokumentasi, koperasi telah lengkap menyediakan dokumentasi seperti yang telah dicadangkan oleh Sekretariat Syariah ANGKASA (rujuk senarai semak dokumentasi di Bahagian C) - Koperasi juga adalah dimohon untuk sentiasa peka dengan amaran harga belian dan harga jualan, serta perlu dipastikan juga jumlah keseluruhan bayaran bulanan tidak melebihi harga jualan yang telah dipersetujui di awal akad. Status: Patuh Syariah	
Pembiayaan Khas Umrah dan Pelancongan			
Pembiayaan Khas Pendidikan			
Pembiayaan Khas Perayaan			
Pembiayaan Khas Awal Persekolahan			

KONSEP SYARIAH: MURABAHAH		
NAMA PEMBIAYAAN	SEMAKAN MENGIKUT BULAN TRANSAKSI DIJALANKAN	ULASAN PEGAWAI SYARIAH
Pembiayaan Pengguna	Januari hingga Mei 2025	- Hasil semakan dokumentasi menunjukkan bahawa koperasi telah memenuhi konsep Murabahah melalui aktiviti Pembiayaan Pengguna. Dokumentasi yang disediakan juga telah lengkap seperti dalam senarai semak di atas. - Konsep Murabahah ini melibatkan aktiviti jualan barang (harga kos + keuntungan) melalui kaedah pembiayaan. Ia berbeza dengan konsep Tawarruq yang bertujuan untuk mendapatkan sejumlah wang dari pembiayaan.

	Namun begitu, terdapat kemaskini yang perlu dilakukan oleh Koperasi di mana untuk Pembiayaan Pengguna ini tidak perlu dilakukan jual beli komoditi dalam Sistem Tawarruq BURSA. Sistem tersebut hanya terpakai untuk produk-produk pembiayaan di bawah konsep Tawarruq sahaja. Status: Patuh Syariah dengan kemaskini.
--	---

E. MAKLUMAT KEWANGAN			
AKAUN BANK	1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	2. Maybank Islamic Berhad	4. -
ULASAN PEGAWAI SYARIAH ANGKASA	Status: Patuh Syariah.		
PELABURAN	1. Co-opbank Pertama Malaysia Berhad	2. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	4. -
ULASAN PEGAWAI SYARIAH ANGKASA	Status: Patuh Syariah.		
TABUNG PERLINDUNGAN	1. Tabung Kebajikan / Pembiayaan	2. -	
ULASAN PEGAWAI SYARIAH ANGKASA	Status: Patuh Syariah pada konsep dan penggunaan tabungan ini. Koperasi mengambil sejumlah amaun dari pembiayaan pemohon sebagai sumbangan (caruman) yang merujuk kepada bayaran yang dilakukan oleh pemohon sebagai komitmen bersama untuk saling membantu apabila berlaku musibah, selaras dengan prinsip ta'awun (tolong-menolong) dan tabarru' (derma). Tujuan utama tabungan ini adalah untuk melindungi risiko ketidakupayaan pemohon membuat bayaran balik pembiayaan tersebut.		
ZAKAT PERNIAGAAN	1. Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.		

F. ISU KETIDAKPATUHAN SYARIAH	G. CADANGAN KEMASKINI
Isu Ringan - tidak memberi kesan terbatal akad utama <i>Tawarruq (master agreement)</i> • Penggunaan perkataan (istilah) yang tidak mesra Syariah seperti berikut: 1. Faedah - dalam Baucer Bayaran. 2. Pinjam - dalam Surat Pemberitahuan Penjamin. 3. Pinjaman - dalam Surat Pemberitahuan Penjamin.	• Penggunaan perkataan (istilah) yang mesra Syariah seperti berikut: 1. Faedah → Keuntungan 2. Pinjam → Pemohon 3. Pinjaman → Pembiayaan
H. RUMUSAN Secara keseluruhannya, hasil dapatan dan semakan Audit Pematuhan Syariah yang telah dilaksanakan bagi tempoh transaksi Januari hingga Mei 2025 yang dikaji telah mendapati bahawa pihak koperasi secara umumnya telah mematuhi prinsip dan praktis Syariah semasa dalam pelaksanaan produk-produk pembiayaan di bawah konsep <i>Tawarruq</i> dan <i>Murabahah</i>. Pihak Sekretariat Syariah ANGKASA juga menegaskan bahawa usaha berterusan dan komitmen tinggi daripada semua lapisan pengurusan dan kakitangan adalah penting bagi memastikan setiap produk dan aktiviti koperasi yang ditawarkan benar-benar selaras dengan praktis Syariah semasa dan seterusnya memelihara keyakinan pelanggan dan reputasi institusi sebagai sebuah koperasi yang patuh Syariah sepenuhnya. Seterusnya, hasil semakan yang dijalankan ini adalah berdasarkan perbincangan dan dokumentasi yang telah disediakan oleh pihak koperasi sahaja. Oleh yang demikian, Sekretariat Syariah ANGKASA berpandangan bahawa koperasi ini adalah layak untuk dipertimbangkan bagi memperbaharui Sijil Pematuhan Syariah bagi 2 tahun berikutnya. Pengesahan dan kelulusan pembaharuan sijil ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Syariah ANGKASA Kali Ke 65.	

Laporan Jawatankuasa Audit Dalam

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KEPADA
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Rujukan Kami : KOOP/LPPKN/S/7()

Tarikh : 13 Disember 2024

Tuan,

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) BAGI TEMPOH JANUARI
HINGGA NOVEMBER 2024**

Bahawa kami anggota Jawatankuasa Audit Dalamannya Koperasi, Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd., mengikut Undang-undang Kecil 55(1)(2), mengemukakan laporan kepada pihak tuan daripada pengauditan dalaman yang telah dilaksanakan pada 6 dan xx Disember 2024.

2. Keanggotaan JAD

Adalah dimaklumkan bahawa, keanggotaan JAD Koperasi Kakitangan LPPKN Sesi 2023/2024 terdiri daripada:

- | | | |
|-------|--|---------|
| (i) | Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin | - JAD 1 |
| (ii) | Puan Noor Hafiza binti Ibrahim | - JAD 2 |
| (iii) | Puan Izariana binti Ibrahim | - JAD 3 |

3. Skop Audit

Laporan dibuat adalah berasaskan kepada hasil pengauditan terhadap hal ehwal kewangan, pentadbiran, aset dan aktiviti-aktiviti koperasi bagi tempoh 1 Januari 2024 hingga 30 November 2024.

Pihak JAD menggunakan Minit Mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi sebagai sampel auditan memandangkan ianya merupakan antara punca kuasa pengoperasian Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd.

4. Hasil Penemuan Audit:

Hasil penemuan kami adalah seperti berikut:

4.1 Pengurusan dan Pentadbiran

(i) Penemuan:

Borang Aku Janji (Waad) - tidak lengkap iaitu tidak ditanda pilihan yang dibuat berkaitan Aku Janji Belian Komoditi. (Rujukan: Borang Baucer No.2814/022024)

Cadangan dan Syor:

Dicadangkan pihak koperasi menyemak terlebih dahulu dan pastikan anggota menanda pilihan yang dibuat. Dikhuatiri kesilapan ini boleh menjejaskan koperasi sekiranya berlaku sesuatu diluar jangka.

(v) Penemuan:

Terdapat kesilapan pengiraan jumlah keseluruhan di jadual Bayaran Sewaan Hartanah Bagi Tahun 2024 (LAMPIRAN 1) yakni di ruangan Kondo Sri Tijani (15-02) dan Kondo Sri Tijani (13-A9). Maklumat seperti jadual di bawah:

Perkara	Jumlah (RM) Dalam Laporan	Jumlah (RM) Yang Tepat / Sepatutnya
Kondo Sri Tijani (15-02)	12,000.00	15,000.00
Kondo Sri Tijani (13-A9)	12,000.00	16,500.00

Cadangan dan syor:

Dicadangkan untuk menggunakan *Microsoft Excel* yang boleh diformatkan untuk pengiraan matematik kerana applikasi tersebut percuma dan sedia ada di komputer. Secara tidak langsung, mengurangkan implikasi kesilapan pengiraan. Pihak koperasi juga perlu menyemak semula pengiraan yang telah dilakukan agar perkara-perkara tidak dijangka dapat dielakkan serta menjamin ketepatan maklumat / data yang diberikan untuk pelbagai tujuan rasmi Koperasi LPPKN Berhad.

(vi) Penemuan:

Resit rasmi bayaran hanya ditandatangani dan tiada *cop/stampad* nama penandatangan bagi semua resit bayaran bagi tahun 2024.

Cadangan dan syor:

Penandatangan resit rasmi bayaran perlu cop nama bagi memudahkan pembayar mengenalpasti kakitangan koperasi yang menerima bayaran dan bayaran diterima oleh Koperasi Kakitangan LPPKN.

(vii) Penemuan

Bayaran sewa Kondo Sri Tijani oleh Encik Faizul Awang dan Encik Nik Mustapha berjumlah RM1,500.00 sebulan tidak mengikut tarikh yang ditetapkan dan bayaran tidak dilakukan setiap bulan.

Cadangan dan syor:

Kutipan sewa perlu dilakukan pada setiap bulan bagi mengelak tunggakan dan memastikan laporan kewangan Koperasi Kakitangan LPPKN dikemaskini dari semasa ke semasa.

5. Kesimpulan dan pandangan

5.1 Merujuk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa pengurusan dan hal ehwal koperasi telah dilaksanakan dengan baik sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi 2010 dan Undang-undang Kecil Koperasi. Pihak Koperasi boleh membuat penambahbaikan:

- (i) **Semak sama ada tindakan dibuat selaras dengan CERAIAN UP.7.2.9 Penglibatan Pegawai Awam Dalam Koperasi.** Ini bagi memastikan pengoperasian koperasi berjalan dengan lancar dan lebih sistematik.
- (ii) **Perkara dan rekod bertulis atau apa-apa sahaja berkaitan kewangan perlu diberikan penekanan supaya tiada pertikaian atau perdebatan yang tidak sepatutnya.** Kesilapan atau maklumat yang tidak tepat tersebut boleh dielakkan sekiranya sentiasa mengamalkan semak semula mengikut hierarki.
- (iii) **Laporan Jawatankuasa Audit Dalam turut dijadikan agenda dalam Ahli Lembaga Pengarah Koperasi** bagi memastikan penemuan audit dan tindakan penambahbaikan dibuat sewajarnya.

6. Penghargaan dan terima kasih

Kami selaku Juruaudit merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengauditan dalaman yang diamanahkan.

Sekian, terima kasih



(NOR AZIAH BINTI MOHAMED MAHAYUDIN)

JAD 1

Jawatankuasa Audit Dalaman

Usul-usul Untuk Dibahas

MEMBENTANG USUL (JIKA ADA)

Sebanyak 15 usul telah diterima untuk dibahaskan seperti berikut: -

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
1	KELANTAN/ TERENGGANU	Pencadang: Puan Nor Harmimi binti Jalil Penyokong: Puan Siti Zaleha binti Musa 1. Mengetengahkan perkhidmatan e-hailing sebagai perniagaan		/	Tidak memberi pulangan yang tinggi kepada Koperasi. Sesuai kepada individu
2	SELANGOR	Pencadang: Puan Syafiqah binti Mohd Arshad Penyokong: Encik Fairul bin Desa 1. Membenarkan tanpa penjamin untuk kadar pinjaman dari RM30,000.00 hingga RM50,000.00.		/	Kemampuan kewangan Koperasi dan modal pusingan
3	PULAU PINANG	Pencadang: Encik Syaifzan Aizad bin Mukhtar Penyokong: Masni binti Rahim 1. Dividen tahunan ahli yang diterima dari pihak Koperasi dimasukkan kembali ke akaun simpanan bagi ahli yang hendak menyimpan dividen beliau di dalam akaun masing-masing dan mewujudkan Google form bagi mereka yang berminat Pencadang: Encik Ibrahim bin Yusoff Penyokong: Zurina binti Mohamad Isa 2. Meletakkan mesin vendor di Pusat Keluarga LPPKN Bertam Kepala Batas Pencadang: Puan Azian binti Mat Penyokong: Siti Mariam binti Arshad 3. Mewujudkan sebuah <i>Homestay</i> di sekitar kawasan Pulau Pinang.	/	/	Akan dilaksanakan dan yang berminat sahaja perlu mengisi borang yang akan disediakan. Tidak sesuai kerana volume yang rendah dan kos yang tinggi. Koperasi fokus kepada penyewaan kondo/lot kedai

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
4	SABAH/ SARAWAK/ LABUAN	Pencadang: Encik Azwandee Abd Aziz Penyokong: Encik Mohd Faez bin Mohd Daud 1. Elaun mesyuarat dinaikkan dari RM80.00 ke RM100.00		/	Dipertimbangkan sekiranya keuntungan bersih melebihi RM500,000.00 atau jualan melebihi RM1 juta

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
5	PAHANG	Pencadang: Puan Farwin Nurkauser binti Ab.Ghafoor Penyokong: Puan Norkhairiah binti Mohamad Sidek 1. Menambah property di Cameron Highlands sebagai salah satu pusat peraginan dan juga perijanaan pendapatan. Pencadang: Cik Nor Azwani binti Idris Penyokong: Puan Siti Asmah binti Ahmad 2. Membeli tanah atau bangunan LPPKN yang kosong sebagai usaha untuk memelihara dan memelihara tanah atau bangunan LPPKN yang berpotensi menjana pendapatan.	/	/	Koperasi dalam perancangan menambah aset Koperasi pernah berurusan dalam pembelian aset milik LPPKN tetapi ditolak.
6	JOHOR	Pencadang: Dr. Salmi Jalina binti Jalil Penyokong: Puan Rasidah binti Suadah 1. Menambah jumlah saham RM500.00 kepada RM2,000.00 Pencadang: Felomina binti Hj Leonardo Penyokong: Puan Siti Hasmah binti Marikon 2. Mewujudkan mini Koperasi di setiap negeri bagi kemudahan untuk mendapatkan produk.		/	Usul ini pernah diutarakan Usul ini pernah diutarakan

		Pencadang: Puan Hanisah binti Alias Penyokong: Encik Mohd Shahlizan bin Md Sah 3. Menaikkan kadar elaun kehadiran mesyuarat sebanyak RM100.00		/	Dipertimbangkan sekiranya keuntungan bersih melebihi RM500,000.00 atau jualan melebihi RM1 juta
--	--	--	--	---	--

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
7	IBU PEJABAT LPPKN	Pencadang: Encik Mohd Ridzuan bin Hamid 1. Mengusulkan perniagaan mesin layan diri (vending machine) CoffeeBot diteruskan lagi setelah dihentikan beroperasi di bangunan Ibu Pejabat LPPKN Pencadang: Puan Noorhayante binti Mohidin 2. Mencadangkan pihak Koperasi Kakitangan LPPKN menaikkan jumlah pembelian saham ahli Koperasi Kakitangan LPPKN kepada RM1,000.00 Pencadang: Encik Zaharin bin Bakri 3.Mencadangkan agar ahli Koperasi di kalangan Jawatankuasa Pengurusan (JKP) LPPKN dapat mengesyorkan Koperasi Kakitangan LPPKN bagi sebarang perolehan dalaman Pencadang: Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin 4.Mengesyorkan dinaikkan gaji kakitangan Koperasi Kakitangan LPPKN untuk menghargai khidmat bakti yang telah diberikan serta menaikkan lagi motivasi untuk memajukan Koperasi	/	/	Tidak mendapat kebenaran pengurusan Usul ini pernah diutarakan Usul ini pernah diutarakan Gaji dan bonus kakitangan akan disemak semula selari dengan keuntungan kepada Koperasi.

BIL	NEGERI	USUL	USUL DITERIMA	USUL DITOLAK	CATATAN
8	AHLI LEMBAGA KOPERASI	Koperasi akan menambah produk baharu iaitu Pembiayaan Tanpa Penjamin dan Tanpa Faedah. Terhad kepada amaun RM25,000.00 maksimum selama 5 tahun mengikut terma dan syarat yang akan ditetapkan sebagai penghargaan kepada semua anggota Koperasi.			

Penyata Kewangan

(No. Daftar Koperasi: 4697)

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)

**PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

KANDUNGAN

MUKASURAT

MAKLUMAT KORPORAT	2
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KRPADA AHLI-AHLI	3 - 6
LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993, SEKSYEN 59(1)(c)	7 - 8
KUNCI KIRA-KIRA	9 - 10
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	11
AKAUN UNTUNG RUGI	12 - 13
PENYATA ALIRAN TUNAI	14 - 15
NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	16 - 44

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

MAKLUMAT KORPORAT

AHLI LEMBAGA KOPERASI

Ahmad Hashimi Bin Mohammad	Pengerusi
Mohd Azmy Bin Jakomar	Setiausaha
Sarida binti Hj Saleh	Bendahari
Mohd Firdaus bin Mazalan	Anggota Lembaga Koperasi
Rinawati binti Mohamed Nawawi	Anggota Lembaga Koperasi
Nor Ashikin binti Saad	Anggota Lembaga Koperasi
Syed Izman bin Syed Aziz Alkhadri	Anggota Lembaga Koperasi
Norhamizan bin Hashim	Anggota Lembaga Koperasi
Mohamad Nazri bin Mohamed Nor	Anggota Lembaga Koperasi

PEJABAT BERDAFTAR, PENTADBIRAN DAN SURAT-MENYURAT

Tingkat 9, Bangunan LPPKN
No. 12B, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan

JURUAUDIT BEBAS

A. Razak & Co. PLT
(LLP0042238-LCA & AF 0842)
Chartered Accountants
B3-08, Block B, Plaza Dwtasik
Jalan Sri Permaisuri
Bandar Sri Permaisuri
56000 Kuala Lumpur

BANK-BANK UTAMA

Maybank Islamic Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Co-opBank Pertama



A. RAZAK & CO. PLT Chartered Accountants
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Kepada:
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota- anggota Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
(Malaysia) Berhad

Laporan Terhadap Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (Malaysia) Berhad, yang merangkumi Kunci Kira-Kira pada 31 DISEMBER 2024, Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 44 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 DISEMBER 2024 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dijelaskan dibawah perenggan Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami merupakan juruaudit yang bebas daripada Koperasi selaras dengan By-Laws (*Professional Ethics, Conduct and Practice*), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan *International Ethics Standards Board for Accountants' Code of Ethics for Professional Accountants* ("Kod IESBA") dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Para anggota-anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit mengenainya. Maklumat lain termasuk Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Koperasi dan laporan juruaudit mengenainya.



A. RAZAK & CO. PLT Chartered Accountants
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya (samb.)

Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Koperasi dan ini tidak termasuk Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Koperasi, menjadi tanggungjawab kami untuk membaca Penyata oleh anggota Lembaga Koperasi dan mempertimbangkannya samada terdapat perkara material yang dilaporkan tidak konsisten dengan penyata kewangan yang boleh membawa kepada salah nyata yang material.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Penyata oleh Anggota Lembaga Koperasi, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi terhadap Penyata Kewangan

Para anggota-anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti-entiti Persendirian Malaysia (MPERS). Para anggota-anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Koperasi yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para anggota-anggota lembaga Koperasi bertanggungjawab menilai kemampuan Koperasi untuk terus beroperasi sebagai entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan para anggota-anggota Lembaga Koperasi berniat untuk membubarkan Koperasi atau menghentikan operasi.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, samada atau tidak penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material apabila amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.



A. RAZAK & CO. PLT Chartered Accountants
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (samb.)

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA), kami mengamalkan pertimbangan profesional dan keraguan profesional. Kami juga :-

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Koperasi, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Koperasi.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan kepada audit bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para anggota Lembaga Koperasi.
- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para anggota Lembaga Koperasi untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, samada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Koperasi meneruskan operasinya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Koperasi dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Koperasi tidak lagi beroperasi sebagai usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.



A. RAZAK & CO. PLT
Chartered Accountants
LLP0042238-LCA & AF 0842

📍 B3-08 Block B, Plaza Dwtasik, Jalan Sri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur.
☎ 03-9282 9032, 9281 9844, 9281 2044, 9285 9768 ✉ arazaknco@gmail.com 🌐 www.arazaknco.com.my
(Hunting Line)

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Penyata Kewangan (samb.)

Kami juga berkomunikasi dengan para anggota-anggota Lembaga Koperasi mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain

Selaras dengan kehendak Akta Koperasi, 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:-

- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak seksyen 58, Akta Koperasi 1993;
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2024 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi; dan
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.

Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya dan anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63, Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan bukan tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.

A. RAZAK & CO. PLT
LLP0042238-LCA & AF 0842
Akauntan-akauntan Bertauliah

ABD. RAZAK BIN HJ. NAZAH DIN
No. Juruaudit: SKM (B) 0350
Akauntan Bertauliah
Kuala Lumpur, Malaysia
Tarikh: **06 JUN 2025**

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(c) AKTA KOPERASI 1993**

Kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2024.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993, dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, kami bagi pihak Ahli Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- a) Hasil operasi Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2024 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif subseksyen 59(4), Akta Koperasi 1993.
- b) Lembaga Koperasi bersetuju untuk membuat agihan sepertimana kehendak subseksyen 57(5) Akta Koperasi 1993 seperti berikut:-
 - i. Cadangan Dividen 2024 dibuat pengiraan atas baki Modal Syer dan Modal Yuran pada 30 JUN 2024 seperti berikut:-

Modal Syer	10.0% x RM110,660	RM11,066
Modal Yuran	5.25% x RM6,169,962	RM323,923
 - ii. Koperasi bercadang membayar Honorarium berjumlah RM10,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2024.
- c) Tiada apa-apa hal-hal berbangkit yang menjadikan pematuhan kaedah yang sedia ada bagi pentaksiran aset atau liabiliti Koperasi ini mengelirukan atau tidak sesuai.
- d) Tiada liabiliti kontinjen yang diakujanji oleh Koperasi yang belum ditunaikan dalam jangkamasa yang diliputi oleh Akaun Untung Rugi. Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira adalah munasabah.
- e) Lembaga juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di Kunci Kira-Kira pada 31 DISEMBER 2024 adalah munasabah.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (c) AKTA KOPERASI 1993**

Kami bagi pihak Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh subseksyen 59(3), Akta Koperasi, 1993.



(AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD)

Pengerusi



(MOHD AZMY BIN JAKOMAR)

Setiausaha



(SARIDA BINTI HJ SALEH)

Bendahari

Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh: 06 JUN 2025

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024

	<u>NOTA</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>	<u>2023</u> <u>RM</u>
ASET BUKAN SEMASA			
<u>Harta Tanah, Loji dan Peralatan</u>			
Kenderaan		1	1
Komputer		24,345	30,420
Aset-aset Lain		272,039	42,648
	5	296,385	73,069
Pelaburan Hartanah	6	1,371,150	1,389,464
Pelaburan Dalam Syer Siar Harga	7	-	-
Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	8	259,353	159,353
Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	9	4,689,394	6,279,749
Akaun Deposit Koperasi	10	297,917	257,712
		6,617,814	8,086,278
ASET SEMASA			
Inventori	11	3,056	394
Projek Dalam Pelaksanaan	12	513,965	-
Pelbagai Penghutang	13	746,667	796,500
Pembiayaan Anggota dan Bukan Anggota	9	2,858,862	834,963
Deposit Tetap	14	524,523	830,123
Wang di Bank	15	1,036,385	574,829
Wang di Tangan	15	3,000	-
		5,686,458	3,036,809
JUMLAH ASET		12,600,657	11,196,156
DIBIAYAI OLEH:			
Modal Syer Anggota	16	112,762	111,862
Modal Yuran Anggota	17	6,427,495	6,750,347
Kumpulan Wang Penebusan Syer Bonus	18	-	10,000
Lain- lain Kumpulan Wang/Tabung Anggota	19	710,725	622,173
Keuntungan Terkumpul		674,221	648,035
KUMPULAN WANG ANGGOTA		7,925,203	8,142,417
Kumpulan Wang Rizab Statutori	20	1,123,677	1,083,472
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pinjaman Dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia	21	171,274	668,333
Pinjaman Dari Institusi Kewangan Lain	22	369,617	407,585
		540,891	1,075,918

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024 (Samb.)

	<u>NOTA</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>	<u>2023</u> <u>RM</u>
LIABILITI SEMASA			
Pinjaman Dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia	21	2,545,159	472,867
Pinjaman Dari Institusi Kewangan Lain	22	41,604	45,240
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	23	8,041	6,751
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	24	4,020	3,376
Dividen	25	334,989	281,287
Honorarium	26	10,000	10,000
Akaun Deposit Koperasi Belum Bayar	27	40,205	33,757
Fi Audit Suruhanjaya	28	-	10,000
Fi Audit Swasta	29	10,000	-
Pelbagai Pemiutang	30	16,868	31,071
		3,010,886	894,349
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		12,600,657	11,196,156

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<u>NOTA</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>	<u>2023</u> <u>RM</u>
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN SEMASA		399,318	333,658
Tambah: Pelarasan Operasi	31	2,729	3,911
Keuntungan Operasi Selepas Pelarasan Operasi		402,047	337,569
TOLAK: PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori (10%)	20	40,205	33,757
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (2%)	23	8,041	6,751
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi Koperasi (1%)	24	4,020	3,376
		52,266	43,884
KEUNTUNGAN BERSIH SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		349,781	293,685
TOLAK:			
Peruntukan cukai	32	-	-
Peruntukan zakat		-	-
		-	-
TOLAK: LAIN- LAIN PEMBAHAGIAN			
Dividen atas Modal Syer Anggota (10%) (2023: 10%)		11,066	11,430
Dividen atas Modal Yuran Anggota Anggota (5.25%) (2023: 4.50%)		323,923	270,108
Honorarium Lembaga Koperasi		10,000	10,000
		344,989	291,538
Baki keuntungan Yang Belum Dibahagi-bahagikan		4,792	2,147
TOLAK: PELARASAN BUKAN OPERASI			
Tambah: Pelarasan Bukan Operasi	33	21,394	82,698
Keuntungan Berkumpul Pada Awal Tahun		648,035	563,190
Keuntungan Berkumpul Pada Akhir Tahun		674,221	648,035

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	<u>NOTA</u>	<u>2024</u> <u>RM</u>	<u>2023</u> <u>RM</u>
PENDAPATAN			
<i>Pendapatan dari aktiviti:-</i>			
Kredit	34	691,899	599,068
Pemborongan/Peruncitan		28,658	32,764
Perkhidmatan	35	-	13,000
Pelaburan	36	101,641	122,967
Lain-lain	37	13,308	11,373
JUMLAH PENDAPATAN		835,506	779,172
PERBELANJAAN			
<i>Kos Jualan/Kos Aktiviti</i>			
Kredit	34	28,188	10,224
Pemborongan/Peruncitan		(2,508)	1,445
Pelaburan	36	11,567	11,116
Perbelanjaan Am:			
Fi Audit Suruhanjaya		-	10,000
Fi Audit Swasta		10,000	-
Perbelanjaan Lembaga	38	28,670	32,130
Kos Pinjaman		50,377	94,413
Susutnilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan	5	14,006	14,006
Susutnilai Pelaburan Hartanah	6	18,314	18,314
Belanja Mesyuarat Agung		26,019	18,138
Gaji dan Perbelanjaan Kakitangan	39	143,671	129,410
Pelbagai Perbelanjaan	40	107,884	106,318
JUMLAH PERBELANJAAN		436,188	445,514
KEUNTUNGAN BERSIH TAHUN SEMASA		399,318	333,658

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**AKAUN PERDAGANGAN KEDAI KOPERASI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	2024 <u>RM</u>	2023 <u>RM</u>
JUALAN	254,007	209,521
Tolak: Pulangan Jualan	(225,349)	(176,757)
Jualan Bersih	28,658	32,764
TOLAK: KOS JUALAN		
Inventori Awal Tahun	394	1,839
Campur: Belian	154	-
Tolak: Inventori Rosak	-	(216)
Inventori Akhir Tahun	(3,056)	(394)
	(2,508)	1,229
KEUNTUNGAN KASAR	31,166	31,535
TOLAK: PERBELANJAAN		
Inventori Rosak	-	216
KEUNTUNGAN BERSIH	31,166	31,319

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

	2024 <u>RM</u>	2023 <u>RM</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan sebelum pembahagian berkanun	399,318	333,658
Pelarasan:-		
Pelarasan operasi	2,729	3,911
Pelarasan bukan operasi	21,394	82,698
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	14,006	14,006
Susutnilai pelaburan hartanah	18,314	18,314
Dividen atas pelaburan	(23,101)	(23,101)
Keuntungan atas deposit tetap	(10,657)	(33,466)
Akaun rizab modal	-	(9,692)
Pelaburan syer tak siar harga	-	500,000
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	422,003	886,328
(Tambahan)/Kurangan inventori	(2,662)	1,444
Kurangan/(Tambahan) pelbagai penghutang	11,076	(640,821)
Tambahan pembiayaan anggota dan bukan anggota	(433,544)	(749,484)
Kurangan pelbagai pemiutang	(16,703)	(174,426)
Tunai digunakan untuk aktiviti operasi	(19,830)	(676,959)
Faedah diterima	10,657	33,466
Dividen diterima	23,101	23,101
Zakat dibayar	(2,500)	-
Aliran bersih tunai diperolehi dari/(digunakan untuk) aktiviti operasi	11,428	(620,392)
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN		
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(6,751)	(4,498)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(3,376)	(2,249)
Lain-lain Kumpulan Wang/Tabung Anggota	88,552	103,163
Honorarium anggota Lembaga	(10,000)	(10,000)
Aliran bersih tunai diperolehi dari bayaran berkanun dan agihan	68,425	86,416
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(237,322)	-
Pembelian pelaburan hartanah	-	(87,500)
Pembelian pelaburan dalam syer tak siar harga	(100,000)	-
Pembayaran projek dalam pelaksanaan	(513,965)	-
Aliran bersih tunai digunakan untuk aktiviti pelaburan	(851,287)	(87,500)

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (Samb.)**

	2024	2023
	<u>RM</u>	<u>RM</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Terimaan modal syer dan modal yuran anggota	523,100	553,247
Modal syer dan modal yuran anggota dikeluarkan	(845,052)	(402,785)
Terimaan pinjaman/(Bayaran balik pinjaman) dari SKM, bersih	1,575,233	(449,850)
Bayaran balik pinjaman dari institusi kewangan lain	(41,604)	(13,534)
Bayaran dividen anggota	(281,287)	(269,756)
Aliran bersih tunai diperolehi dari/(digunakan untuk) aktiviti pembiayaan	<u>930,390</u>	<u>(582,678)</u>
 Penambahan/(Pengurangan) bersih dalam jumlah tunai dan bersamaan tunai	 158,956	 (1,204,154)
 Jumlah tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	 1,662,664	 2,866,818
 Jumlah tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	 <u>1,821,620</u>	 <u>1,662,664</u>
 Diwakili oleh:-		
Akaun Deposit Koperasi	257,712	257,712
Deposit tetap	524,523	830,123
Wang tunai di bank dan di tangan	1,039,385	574,829
	<u>1,821,620</u>	<u>1,662,664</u>

Nota- nota yang disertakan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini
dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

1. MAKLUMAT KORPORAT

Koperasi ini adalah sebuah koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 dan beroperasi di Malaysia. Alamat berdaftar dan alamat perniagaan koperasi adalah di Tingkat 9, Bangunan LPPKN, No. 12B, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Kegiatan utama koperasi adalah menjalankan pembiayaan tunai, pembiayaan pengguna, pembiayaan tanpa cagaran, pembiayaan khas perayaan atau pendidikan serta pembiayaan takaful kepada anggota-anggota koperasi. Koperasi juga menjalankan aktiviti kedai runcit, pelaburan, permit dan sewaan.

Penyata kewangan adalah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

Penyata kewangan koperasi untuk tahun kewangan berakhir 31 DISEMBER 2024 disahkan oleh Lembaga Koperasi bertarikh **06 JUN 2025**

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS)* yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board (MASB)* yang telah disesuaikan dengan GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 untuk mematuhi Akta Koperasi 1993.

Penyata kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan penting.

Penyata kewangan telah disediakan dengan andaian bahawa kegiatan dan operasi koperasi adalah berterusan.

3. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) Harta tanah, Loji dan Peralatan

i) Harta tanah, Loji dan Peralatan

Harta tanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau pada harga penilaian ditolak susutnilai terkumpul dan/atau penurunan nilai terkumpul. Sebarang lebihan disebabkan oleh penilaian dikreditkan terus kepada rizab modal.

Amaun bagi harta tanah, loji atau peralatan adalah disemak pada tarikh kunci kira-kira untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda pengurangan. Jika wujud sebarang tanda tanda tersebut, amaun bolehpulih aset tersebut akan dianggarkan. Rugi dari pengurangan diiktiraf apabila amaun bagi aset tetap melebihi amaun bolehpulih aset tersebut. Rugi dari pengurangan akan dimasukkan ke dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya, di mana ia akan dimasukkan ke dalam ekuiti. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun bolehpulih akan dikurangkan oleh amaun tersebut yang telah diiktiraf sebagai susutnilai, di mana tiada nilai yang tertera atau dihapuskan berlaku. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan kerugian atas penilaian semula aset, akan diambilkura dalam ekuiti.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

b) Harta tanah, Loji dan Peralatan (Samb.)

ii) Susutnilai

Harta tanah, loji dan peralatan adalah disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos harta tanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaannya. Jangka hayat susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Kenderaan	10 tahun
Komputer	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	10 tahun
Ubahsuai	10 tahun

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi dalam tahun semasa disusutnilaikan sepanjang tahun. Susutnilai tidak lagi dikenakan ke atas hartanah, loji dan peralatan yang tinggal nilai nominal tetapi masih lagi digunakan.

c) Pelaburan Hartanah

Koperasi mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk lantai bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan, termasuk rumah yang masih dalam pembinaan, sebagai pelaburan hartanah jika ia dimiliki untuk peningkatan nilai modal pendapatan sewa atau tujuan penggunaannya belum ditentukan. Pelaburan hartanah direkod pada kos pada pengiktirafan awal. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga pembelian ditambah semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa hartanah ke lokasi dan keadaan untuk digunapakai sebagai pelaburan hartanah. Kos pelaburan hartanah yang dibina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Bagi tujuan pengukuran susulan, barang-barang peralatan yang yang tidak dapat dipindahkan dan barang-barang yang bersambung secara fizikal pada bangunan seperti lif, sistem elektrik dan sistem penyaman udara, dianggap sebagai sebahagian daripada harta tersebut. Koperasi menggunakan model nilai saksama untuk menilai pelaburan hartanah selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur secara pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran siar harga, sekiranya boleh diperhatikan. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan hartanah diiktiraf dalam Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Hartanah selaras dengan kehendak para 60.5, GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020. Semua pelaburan hartanah lain dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Susutnilai telah dikira supaya mengikut asas garisan lurus atas tempoh penggunaan harta berkenaan. Kadar susutnilai untuk bangunan pegangan pajak jangka panjang adalah 50-99 tahun.

Ia diukur pada kos dan bukan nilai saksama kerana melibatkan kos dan usaha tidak wajar.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

d) Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga

Pelaburan dalam syer tak siar harga dalam syarikat atau koperasi dicatatkan pada kebiasaannya mengikut kos kecuali syarikat atau koperasi yang menanggung kerugian yang dianggap berterusan yang mana persediaan rosotnilai pelaburan yang mencukupi akan dibuat.

e) Pelaburan Dalam Syer Siar Harga

Pelaburan dalam syer siar harga dinilai mengikut kos asal atau nilai pasaran yang mana lebih rendah. Prinsip digunakan secara individu iaitu jika jumlah nilai pasaran adalah lebih rendah daripada jumlah kos tetapi ada syer yang turun nilainya dibawah harga kos, maka persediaan rosotnilai pelaburan akan dibuat.

f) Pembiayaan Anggota

Hutang Lapuk yang diketahui dihapuskan dan peruntukan di buat untuk sebarang jumlah yang dianggap meragukan selaran dengan GP23 yang dikeluarkan oleh SKM.

g) Inventori

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realisasi bersih (yang merupakan harga jualan anggaran ditolak kos untuk disiapkan dan dijual). Kos terdiri daripada harga pembelian dan kos langsung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya.

Bagi barang-barang yang dikilang, kos termasuk kos buruh dan kos boleh ubah serta pengeluaran tetap. Untuk item inventori yang ketara secara individu atau diasingkan untuk projek-projek tertentu, kos diukur dengan menggunakan kaedah pengenalan tertentu. Untuk barang-barang inventori yang seragam, kos ditentukan melalui formula kos purata wajar. Nilai boleh realisasi bersih adalah berdasarkan asas item demi item atau kumpulan asas barangan yang sama.

h) Penghutang Perdagangan dan Pelbagai Penghutang

Peruntukan perniagaan yang diragui dibuat berasaskan anggaran kemungkinan kerugian yang dijangka timbul daripada kutipan yang tidak dapat dibuat ke atas penghutang tertentu.

i) Pemiutang Perdagangan dan Pelbagai Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos di mana ia adalah nilai saksama pertimbangan akan dibayar pada masa hadapan bagi barang dan perkhidmatan yang diterima.

j) Modal Syer Anggota dan Modal Yuran Anggota

Modal syer anggota dan modal yuran anggota direkodkan pada jumlah yang diterima, bersih daripada kos transaksi berkaitan secara langsung. Modal syer diklasifikasikan sebagai ekuiti.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

k) Cukai

Cukai pendapatan untuk untung atau rugi bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasa pada tarikh kunci kira- kira.

l) Zakat

Koperasi mengiktiraf obligasinya terhadap pembayaran zakat perniagaan. Jumlah pembayaran zakat ditentukan apabila koperasi telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan, tempoh yang dipanggil haul. Asas zakat ditentukan berdasarkan kiraan yang digunapakai oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan iaitu kaedah berdasarkan keuntungan.

Zakat adalah amaun belum bayar yang wajib ke atas perniagaan bagi pihak pemegang saham dan/atau entiti perniagaan bergantung kepada ciri-ciri pemilikan.

m) Kos Pembiayaan

Semua kos pembiayaan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila berlaku.

n) Tunai dan Bersamaan Tunai

Tunai dan bersamaan tunai adalah terdiri daripada tunai di tangan dan di bank, deposit dengan bank berlesen, pelaburan jangka pendek dan mudahniaga serta bank overdraft.

o) Kemerosotan Nilai Aset

Harta tanah, loji dan peralatan dan lain-lain aset tetap termasuk aset tidak nyata adalah disemak untuk menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda kerugian nilai kemerosotan. Jika wujud sebarang tanda-tanda tersebut, amaun bolehpulih harta tersebut akan dianggarkan. Kerugian dari kemerosotan nilai diiktiraf apabila amaun bagi aset melebihi amaun bolehpulih. Amaun bolehpulih merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai digunakan, yang mana lebih tinggi.

Kerugian dari kemerosotan nilai dimasukkan ke dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan penilaian semula yang dibuat sebelumnya. Sebarang kenaikan berikutnya di dalam amaun bolehpulih, akan diiktirafkan dalam akaun untung rugi, melainkan ia mengurangkan kerugian atas kemerosotan semula aset, akan diambilkira sebagai lebihan penilaian semula dalam ekuiti.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

p) Manfaat Pekerja

i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Koperasi. Ketakhadiran diberi pampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka kepada ketakhadiran masa hadapan diberi pampasan, dan ketakhadiran diberi pampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

ii) Pelan caruman dinyatakan

Sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang, pihak majikan di Malaysia perlu membuat caruman kepada skim pencen negara, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam akaun untung rugi sebagaimana ditanggung.

q) Cukai Tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam penyata kewangan. Secara prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan sehingga ke tahap di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai belum digunakan dan kredit cukai belum digunakan boleh direalisasikan dengan keuntungan boleh cukai masa depan yang boleh capai.

Cukai tertunda tidak akan diiktiraf jika perbezaan sementara wujud daripada ihsan atau ihsan negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam transaksi yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai.

r) Pengiktirafan Pendapatan

i) Bayaran perkhidmatan pembiayaan

Bayaran perkhidmatan pembiayaan merupakan caj yang dikenakan oleh koperasi kepada anggota-anggotanya untuk menerima permohonan pembiayaan dan mengumpul dokumen-dokumen berkaitan.

ii) Jualan barangan dan perkhidmatan

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila risiko ganjaran yang signifikan daripada pemilikan barangan telah dipindahkan kepada pembeli.

Hasil daripada perkhidmatan diiktiraf apabila ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusan niaga akan mengalir ke dalam Koperasi, peringkat penyelesaian urusan niaga pada tarikh lembaran imbalan boleh diukur dengan tepat dan kos yang berlaku pada urusan niaga dan kos untuk menyelesaikan urusan niaga boleh diukur dengan tepat.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

r) Pengiktirafan Pendapatan (samb.)

iii) Dividen

Dividen diiktiraf apabila hak pemegang modal syer dan yuran untuk menerima bayaran telah dipastikan.

iv) Pendapatan Sewa dan Komisen

Pendapatan sewa dan komisen diiktiraf secara akruan melainkan kemungkinan untuk diperolehi dimansuhkan.

v) Fi Masuk

Fi masuk diiktiraf semasa pendaftaran anggota baru.

vi) Lain- lain pendapatan

Lain- lain pendapatan diktiraf pada asas akruan.

s) Instrumen Kewangan

i) Instrumen kewangan yang diktiraf di dalam Kunci Kira- kira

Koperasi mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) di dalam kunci kirakira apabila, dan hanya apabila, ia menjadi satu pihak dalam peruntukan berkontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang secara umumnya pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urusniaga dibelanjakan dalam untung atau rugi apabila berlaku.

ii) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan

Aset kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu luput, atau apabila koperasi memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan, termasuk keadaan apabila koperasi bertindak hanya sebagai ejen pemungutan penerima pindahan, dan mengekalkan risiko dan ganjaran yang tidak ketara bagi pemilikan aset kewangan atau tiada penglibatan berterusan dalam kawalan aset kewangan yang di pindahkan.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

s) Instrumen Kewangan (samb.)

ii) Penyahiktirafan Instrumen Kewangan (samb.)

Liabiliti kewangan akan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dibatalkan secara sah, sama ada apabila syarat yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau luput. Perubahan ketara pada terma bagi liabiliti kewangan sedia ada menyumbang kepada penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan yang baru. Bagi tujuan ini, koperasi mempertimbangkan perubahan yang ketara jika nilai semasa aliran tunai yang disemak bagi terma yang diubah suai serta didiskaun pada kadar faedah efektif asal dengan perbezaan sebanyak 10% atau lebih jika dibandingkan dengan nilai dibawa liabiliti yang asal.

iii) Pengukuran Susulan Aset Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan dalam instrumen tersiar harga diukur pada nilai saksama dengan merujuk kepada harga pasaran aktif. Perubahan dalam nilai saksama syer dicajkan ke Akaun Rizab Nilai Saksama: Pelaburan Syer selaras dengan kehendak para 60.8 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020.

Pelaburan dalam instrumen tidak siar harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti, diukur pada kos.

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, semua aset kewangan adalah tertakluk kepada semakan semula untuk rosotnilai seperti yang dinyatakan dalam Nota 3 (o).

iv) Pengukuran Susulan Liabiliti Kewangan

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos selaras para 60.6 GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020.

v) Pengukuran Nilai Saksama Aset Kewangan

Nilai saksama aset kewangan atau liabiliti kewangan ditentukan berdasarkan kepada harga pasaran siar harga dalam pasaran aktif dan sekiranya tiada harga pasaran yang boleh diperolehi, teknik penilaian adalah berdasarkan andaian munasabah dan disokong.

vi) Rosotnilai dan Ketidakbolehkutipan Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, koperasi mengkaji sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Bukti-bukti yang mencetus kehilangan adalah termasuk: (i) kesukaran yang ketara kepada penerbit atau obligor; (ii) pelanggaran kontrak, seperti lalai atau kegagalan pembayaran faedah atau bayaran pokok; (ii) memberikan konsesi yang luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan bahawa pelanggan akan muflis atau penyusunan semula kewangan yang lain; (v) tiada pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) apa-apa data pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan ada pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan daripada kumpulan aset kewangan.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

s) Instrumen Kewangan (samb.)

vi) Rosotnilai dan Ketidakbolehkutipan Aset Kewangan (samb.)

Pinjaman anggota adalah diklasifikasi sebagai tidak berbayar jika prinsipal atau faedah/ bayaran perkhidmatan/ keuntungan atau kedua-duanya perlu dibayar tetapi tidak dibayar selama enam (6) bulan atau lebih. Bagi pinjaman tidak berbayar, sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam akaun untung rugi dan jumlah yang sama direkodkan dalam akaun peruntukan rugi. Mana-mana pembalikan susulan bagi kerugian rosotnilai aset kewangan akan dibalikkan dalam akaun untung rugi dengan pelarasan kepada akaun peruntukan rugi, tertakluk kepada had, yang pembalikan tidak boleh menyebabkan jumlah bawaan yang disemak semula bagi aset kewangan melebihi jumlah yang ditentukan sekiranya tidak mempunyai kerugian rosot yang diiktiraf sebelum ini.

Bagi penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang jangka pendek, di mana kesan pengurangan jumlah adalah tidak material; kerugian rosotnilai diuji bagi setiap penghutang ketara secara individu sekiranya terdapat sebarang petunjuk rosotnilai. Penghutang ketara secara individunya yang mana tiada kerugian rosotnilai diiktiraf akan dikumpulkan bersama dengan lain-lain penghutang melalui klasifikasi berdasarkan ciri-ciri risiko kredit dan pengumuran penghutang terbabit mengikut tempoh hutang yang dibenarkan.

Bagi pelaburan ekuiti tidak tersiar harga dinyatakan pada kos ditolak rosotnilai, di mana rosotnilai adalah perbezaan di antara jumlah bawaan aset dan anggaran terbaik (yang semestinya berdasarkan penghampiran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) yang mana koperasi menjangka penerimaan untuk aset jika ia dijual pada tarikh laporan.

Koperasi boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

t) Peruntukan

Koperasi mengiktiraf liabiliti sebagai peruntukan jika aliran keluar yang diperlukan untuk menyelesaikan liabiliti adalah tidak pasti dalam bentuk masa atau jumlah.

Peruntukan untuk kos jaminan, kos pemulihan, kos penyusunan semula, kontrak yang membebaskan atau tuntutan mahkamah diiktiraf apabila koperasi mempunyai kewajipan perundangan atau konstruktif akibat daripada peristiwa yang lalu, dan yang mana aliran keluar sumber bagi penyelesaian adalah berkemungkinan dan kenyataan boleh percaya bagi anggaran jumlah boleh dibuat. Tiada peruntukan diiktiraf jika syarat ini tidak dipenuhi.

Sebarang pembayaran balik disebabkan oleh peruntukan yang diiktiraf dari pihak balas (seperti pihak insurans) tidak ditolak daripada peruntukan tetapi diiktiraf secara berasingan sebagai aset apabila, dan hanya apabila pembayaran semula dapat dipisahkan.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

2. DASAR- DASAR PERAKAUNAN PENTING (Samb.)

t) Peruntukan (samb.)

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan semasa pada akhir tempoh pelaporan. Bagi peruntukan jaminan, hasil yang dijangka bagi sumber yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan berdasarkan kebarangkalian berwajaran adalah digunapakai, dengan mengambil kira pengalaman koperasi dalam urus niaga yang sama dan ditambah dengan fakta dan keadaan semasa. Bagi peruntukan pemulihan, di mana kewajipan tunggal diukur, Koperasi menggunakan hasil individu yang paling mungkin sebagaimana anggaran terbaik bagi liabiliti dengan merujuk kepada harga semasa caj yang akan dikenakan kontraktor untuk melaksanakan kewajipan itu, dan mengambil kira peristiwa masa depan yang mungkin boleh menjejaskan jumlah yang diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan. Bagi kontrak yang membebaskan, peruntukan yang diukur berdasarkan jumlah di mana kos untuk memenuhi kontrak melebihi manfaat. Bagi peruntukan tuntutan mahkamah, hasil yang dijangka berdasarkan kebarangkalian berwajaran digunapakai dalam pengukuran, dengan mengambil kira keputusan masa lalu penghakiman mahkamah yang dibuat dalam kes-kes yang serupa dan atas nasihat daripada pakar perundangan.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan dengan menggunakan kadar diskaun yang mencerminkan nilai masa wang dan risiko bahawa hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat. Penamatan diskaun adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Koperasi terdedah kepada pelbagai jenis risiko, antaranya termasuklah risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai, risiko kredit dan risiko faedah. Pada keseluruhannya, objektif pengurusan risiko kewangan Koperasi adalah untuk memastikan sumber kewangan Koperasi mencukupi dan diuruskan dengan baik dalam pengendalian dan pembangunan operasi Koperasi di samping menguruskan risiko-risiko yang ada.

i) Risiko Pasaran

Koperasi terdedah kepada risiko pasaran yang kebanyakannya disebabkan oleh keadaan ekonomi semasa. Bagi menangani risiko ini, ia merupakan polisi Koperasi untuk menjalankan analisa sebelum melaburkan wangnya.

ii) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Koperasi mengamalkan pengurusan risiko kecairan yang berhati-hati untuk mengurangkan terjadinya perbezaan antara aset dan liabiliti kewangan serta menampung kemudahan kredit yang mencukupi untuk tujuan modal kerja.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMB.)

iii) Risiko Kredit

Koperasi melabur aset tunainya secara berhati-hati dan menguntungkan. Ia mengamalkan risiko kredit dengan adanya sistem kawalan kredit untuk unit pembiayaan anggota dan memastikan pembiayaan hanya di berikan kepada anggota-anggota yang memenuhi syarat-syarat pembiayaan. Dengan itu, risiko kredit adalah rendah memandangkan pembayaran balik adalah melalui potongan gaji.

iv) Risiko Faedah

Koperasi tidak terdedah kepada risiko faedah yang tinggi kerana sumber pembiayaan hanya diperolehi daripada Jabatan Pembangunan Koperasi dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Perolehan dan aliran tunai operasi Koperasi juga tidak tertakluk kepada kadar keuntungan di pasaran.

4. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

a) Pertimbangan dan Andaian yang Digunapakai

Dalam pemilihan dasar perakaunan koperasi, perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan penting dan andaian adalah:

i) Usaha Berterusan

Pihak pengurusan koperasi telah membuat penilaian terhadap kebolehan untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan dan yakin bahawa ianya memiliki sumber-sumber untuk meneruskan perniagaan untuk tempoh akan datang. Selain itu, pihak pengurusan tidak mengetahui sekiranya wujud sebarang ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara terhadap kebolehan koperasi untuk meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Oleh itu, penyata kewangan telah disediakan atas dasar usaha berterusan.

ii) Klasifikasi Pelaburan Hartanah

Sesetengah pelaburan hartanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau peningkatan nilai modal atau untuk kedua-duanya, manakala bakinya dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/ atau peningkatan nilai modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan), koperasi menganggap bahagian tersebut sebagai pelaburan hartanah. Jika bahagian yang dipegang untuk sewa dan/ atau peningkatan nilai modal tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara harta yang dipegang digunakan dalam pengeluaran atau bekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sama ada apa-apa perkhidmatan sampingan adalah ketara bahawa harta tersebut tidak layak dianggap sebagai hartanah pelaburan.

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD**
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi, 1993)
(No. Daftar Koperasi: 4697)

NOTA- NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2024

4. PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN (SAMB.)

b) Ketidakpastian Anggaran

Pengukuran beberapa aset dan liabiliti memerlukan pihak pengurusan menggunakan anggaran berdasarkan pelbagai input yang boleh diperhatikan dan andaian lain. Bidang atau barangan yang tertakluk kepada ketidaktentuan anggaran ketara koperasi adalah dalam mengukur: (a) peruntukan; (b) rosot atau pengurangan nilai inventori tiada pergerakan dan usang; (c) peruntukan rugi aset kewangan; dan (d) susut nilai harta tanah, loji dan peralatan.

i) Pengukuran Peruntukan

